

LAMPIRAN

SEMANGAT CINTAKAN BANGSA VS SEMANGAT CINTAKAN NEGARA

DR. HASSAN AHMAD

Mingguan M'sia

10/11/2002.

S

ALAH satu masalah politik atau sosiopolitik yang sering dihadapi oleh negara pelbagai bangsa ialah soal bagaimana hendak menyeimbangkan semangat atau kesedaran ‘cinta’, ‘taat’ atau ‘terpaut’ kepada identiti bangsa atau kumpulan etnik masing-masing dengan semangat cinta dan taat kepada negara.

Kita menggunakan perkataan ‘menyeimbangkan’ kerana kesedaran terhadap bangsa sukar dihapuskan melalui apa jua formula yang bersifat ‘rasional’ (yakni yang tidak mengambil kira subjektiviti, atau perasaan dan emosi bangsa) dalam usaha untuk membina semangat cinta terhadap negara.

Bangsa dan negara adalah dua entiti atau konsep yang berlainan. Bangsa ialah entiti atau kesatuan sosiobudaya manakala negara, atau dalam bahasa Inggerisnya disebut *state*, adalah kesatuan geografi-politik.

Identiti sesuatu bangsa dibentuk atau dikenali berdasarkan persamaan budaya, bahasa, asal usul sejarah dan mungkin juga agama yang dimiliki atau diwarisi bersama oleh anggota kumpulan bangsa itu sejak turun-temurun, sejak zaman nenek moyang yang asal, tidak kiralah sama ada ‘nenek moyang yang asal’ itu wujud dalam sejarah atau hanya diciptakan melalui mitos dan imaginasi bersama.

Konsep atau kesatuan geografi-politik yang disebut negara itu terbentuk melalui peraturan, institusi dan sistem tertentu yang merentas ciri-ciri atau identiti bangsa, misalnya, ada kawasan geografi tertentu yang dapat diiktiraf oleh negara atau bangsa-bangsa lain sebagai kawasan politik negara atau kawasan pemerintahannya, ada sistem undang-undangnya sendiri, ada kerajaannya sendiri, ada bendera sendiri, ada lagu kebangsaan sendiri, ada raja atau presiden atau perdana menterinya sendiri, ada perlombagaannya sendiri (sama ada yang bertulis atau yang tidak bertulis), dan sebagainya.

Ciri-ciri inilah yang membentuk konsep politiko-legalistik yang disebut ‘kedaulatan negara’ yang harus dihormati oleh masyarakat antarabangsa, dan merupakan syarat utama untuk menjadi anggota pertubuhan kerjasama antarabangsa seperti Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu. Nama PBB sebenarnya tidak tepat: Sepatutnya namanya ialah Pertubuhan Negara-Negara Bersatu.

Ada bangsa di dunia ini yang tidak mempunyai negara. Misalnya, bangsa Scots atau Welsh, atau bangsa Catalan dan Alsace di Eropah, tidak mempunyai negara sendiri. Jadi dari segi taraf undang-undang dan politiknya bangsa Scots atau Welsh disebut warganegara British atau ‘Britisher’, tetapi bangsanya ialah Scots atau Welsh.

Bangsa Tamil di kawasan Jafna di Sri Lanka berjuang matimatian untuk menubuhkan negaranya sendiri yang terpisah daripada Sri Lanka. Begitu juga bangsa Chechen, atau bangsa Melayu-Islam di selatan Filipina, mereka juga berjuang untuk mewujudkan negara sendiri terpisah daripada Rusia atau

Bagi kebanyakan orang Melayu pula, taat kepada negara atau kepada tanah airnya iaitu Malaysia (sebelum itu Tanah Melayu) tidak timbul. Di mana lagi tempat untuk mereka mencurahkan taat setia selain negara ini?

Filipina.

Jadi, daripada contoh-contoh ini kita dapat memahami bagaimana kesedaran kesatuan bangsa menjadi dorongan yang cukup kuat untuk mendesak bangsa itu membentuk negara sendiri, agar terlepas daripada kuasa atau pemerintahan bangsa lain yang lebih dominan. Inilah yang kita sebut kesedaran kebangsaan atau nasionalisme, satu fenomena politik dan sosiopolitik yang sebenarnya bermula dalam sejarah bangsa-bangsa Eropah sejak pertengahan kedua abad ke-18.

Istilah atau konsep negara-bangsa – ini juga ciptaan sejarah politik kebangsaan Eropah – bererti negara yang terdiri daripada satu bangsa sahaja, atau setidak-tidaknya, yang terdiri daripada satu bangsa yang dominan. Hitler cuba melaksanakan konsep ini sepenuhnya apabila dia melancarkan proses ‘pembersihan etnik’ untuk menjadikan Jerman sebagai sebuah negara kebangsaan yang hanya akan terdiri daripada bangsa Jerman tulen sahaja, bangsa *super race*, yang harus dibersihkan daripada kehadiran semua bangsa lain, terutama bangsa Yahudi, dan juga kaum-kaum gipsi. Bangsa Serb (atau Serbia) cuba melakukan proses yang sama apabila mereka melancarkan perang pembersihan etnik yang dahsyat terhadap bangsa Bosnia-Islam di bekas negara Kesatuan Yugoslavia.

Konsep negara-bangsa menurut gagasan bangsa Eropah itu tidak mungkin dapat dipertahankan lagi pada hari ini memandangkan bahawa kebanyakan negara di dunia hari ini adalah negara pelbagai bangsa atau pelbagai etnik. Maka konsep ‘negara-bangsa’ terpaksa diberikan takrif baru, iaitu sebagai negara yang penduduknya, tidak kira bangsa, dapat menggantikan semangat cinta terhadap bangsa/kumpulan etnik masing-masing dengan semangat atau kesedaran cinta terhadap negara.

Hanya beberapa buah negara mempunyai ciri negara-bangsa menurut takrif ini. Contohnya yang baik mungkin negara-bangsa Jepun. Di Jepun, bangsa Jepun dan negara Jepun beridentikal, maksudnya, bangsa Jepun bersenyawa dengan negara

Jepun. Jadi tidak timbul masalah konflik antara cinta kepada bangsa dengan cinta kepada negara. Tetapi Jepun berasas baik kerana negara itu ialah negara homogenous, yakni, penduduknya hampir semuanya terdiri daripada satu bangsa sahaja, iaitu bangsa Jepun, walaupun di Pulau Okinawa, penduduk di sana kebanyakannya merupakan kumpulan etnik yang berlainan sedikit daripada bangsa Jepun.

Malaysia ialah negara berbilang bangsa atau etnik, bahasa dan budaya. Maka masalah politik yang dihadapi oleh Malaysia ialah bagaimanakah penduduk pelbagai etnik ini dapat menghapuskan perasaan taat atau keterpautan kepada bangsa masing-masing dan mengantikannya dengan perasaan cinta terhadap negara.

Jikalau perubahan ini tidak berlaku maka konflik etnik/kaum/bangsa akan tetap wujud, sama ada secara ketara mahupun secara tersirat, dan keadaan ini boleh menggugat kestabilan politik, ekonomi, sosial dan budaya negara. Seperti yang tersebut tadi, perasaan terikat dengan identiti bangsa cukup sukar dihapuskan kerana pembentukan identiti ini bersifat asliah atau 'primordial', sudah tertanam dalam minda dan ingatan kolektif sesuatu bangsa itu sejak turun-temurun.

Akibatnya, dalam negara berbilang bangsa, persaingan antara bangsa dalam apa-apa bidang pun – politik, ekonomi, sosial, bahasa dan budaya – akan tetap berlaku, sama ada secara terang-terang mahupun secara tersorok, untuk mempertahankan atau memajukan kepentingan bangsa masing-masing. Inilah yang berlaku di Sri Lanka, misalnya, atau di negara-negara lain yang menghadapi masalah kepelbagaiannya bangsa/etnik yang sama, dan kita semua tahu bahawa persaingan antara kaum/bangsa ini sedang berlaku, malah nam-paknya kian rancak lagi di Malaysia sejak mutakhir ini.

Apakah ini bererti bahawa negara tidak berjaya mewujudkan keadaan yang dapat menarik fokus penduduknya daripada taat kepada bangsa atau kumpulan etnik masing-masing kepada perasaan taat kepada negara ke tahap yang cukup 'neutral' sifatnya, yakni bebas etnik, sehingga orang Melayu, Cina, India, Iban dan Kadazan, tidak akan berasa bahawa kepentingan mereka tidak lagi dapat bergantung pada 'jati diri' bangsa masing-masing, tetapi pada negara.

Untuk membentuk perasaan atau kesedaran taat kepada negara inilah kita cuba menggunakan konsep patriotisme sebagai ganti kepada konsep nasionalisme, sama ada nasionalisme Melayu, nasionalisme Cina, nasionalisme India atau kesedaran etnisiti kaum-kaum lain.

Patriotisme bererti semangat cinta kepada tanah air atau taat kepada negara, melepas perasaan taat kepada bangsa. Negara mempunyai lambang-lambang atau institusi-institusi tertentu yang boleh digunakan untuk membentuk semangat patriotisme ini, misalnya, bendera kebangsaan, lagu kebangsaan (negara), konsep raja sebagai institusi atau lambang kedaulatan negara (walaupun raja itu ialah raja Melayu), perlumbaan negara dan sistem undang-undang negara.

Alat atau institusi ini 'bebas etnik' atau 'bebas bangsa'. Apabila warganegara patuh kepada alat atau institusi ini, dia dianggap patuh kepada negara, tidak kepada mana-mana kumpulan etnik. Selain ini, negara juga boleh mencipta alat-alat lain yang lebih 'populis' sifatnya, misalnya, mencipta 'lagu-lagu' atau muzik patriotik yang mengagung-agungkan negara, tidak mana-mana bangsa, atau mencipta slogan-slogan tertentu, misalnya kata-kata seperti 'Keranamu Malaysia'.

Selain itu, kerajaan juga boleh menggubal dasar-dasar negara, misalnya, dasar ekonomi, dasar pendidikan, dasar bahasa, dasar kebudayaan, yang boleh memupuk dan membentuk kesedaran 'perpaduan bangsa' atau kaum sebagai asas perpaduan negara. Ada teori yang mengatakan bahawa rakyat di negara berbilang bangsa akan cinta dan taat kepada negara jikalau

dasar negara itu, dalam bidang apa pun, tidak dianggap atau ditanggapi oleh mana-mana kaum sebagai dasar yang boleh menjelaskan kepentingan kaumnya, dan menguntungkan kaum lain. Dengan kata lain, dasar itu hendaklah bersifat 'instrumental' atau bersifat bebas etnik. Barulah rakyat berbilang kaum akan melupakan kepentingan kaum masing-masing dan menumpukan sokongan sepenuhnya kepada dasar itu.

Tetapi, jikalau dasar itu dianggap boleh menjelaskan kepentingan kaum tertentu, atau jikalau dasar itu dianggap 'tidak adil' kepada semua kaum, maka penduduk negara akan membentuk apa yang disebut 'keterpautan sentimental' atau sentimental attachment terhadap identiti kaum masing-masing, dan mencari jalan, berdasarkan emosi kaum, untuk menentang dasar itu.

Misalnya, di Malaysia, orang Melayu akan menebalkan perasaan cinta terhadap bangsanya sendiri, orang Cina dan India akan menebalkan perasaan cinta terhadap kaum masing-masing. Saya kira ini berlaku di Malaysia, sejak dahulu hingga sekarang. Tetapi dalam persaingan ini, orang Cina masih dapat mempertahankan kepentingannya, misalnya berusaha mengekalkan sekolah Cina, sedangkan orang Melayu menghadapi masalah, tidak tahu lagi, kepentingan Melayu yang manakah yang mestilah dipertahankan, kerana segala kepentingan mereka, termasuk bahasa Melayu, sudah dijadikan 'alat kebangsaan.'

Hal yang patut disedari ialah cinta atau taat kepada negara tidak sama dengan taat atau cinta kepada pemimpin. Di negara yang mengamalkan ideologi monistik, seperti yang berlaku di negara komunis atau di negara yang dikuasai oleh diktator, slogan-slogan 'patriotik' lebih merupakan ideologi atau propaganda untuk menjajah atau menguasai fikiran atau minda rakyat, atau untuk memuja-muja pemimpin yang ditakuti kerana kuasa yang mutlak. Jadi, dalam sistem seperti itu, taat kepada negara disamakan dengan taat kepada pemimpin.

Ini bukan patriotisme namanya kerana taat atau cinta kepada negara hanya bererti taat/cinta kepada negara atau tanah air, bukan kepada pemimpin kerana pemimpin, sebagaimana kita tahu, tidak akan kekal – mereka datang dan pergi, tetapi negara tetap wujud.

Bagi kebanyakan orang Melayu pula, taat kepada negara atau kepada tanah airnya iaitu Malaysia (sebelum itu Tanah Melayu) tidak timbul. Di mana lagi tempat untuk mereka menuruhkan taat setia selain negara ini? Di sinilah nenek moyang mereka, sejak asal sejarah mereka, hidup dan mencari rezeki lama sebelum British dan orang asing datang untuk menumpang mencari rezeki mereka di sini. Tidak ada negara lain yang dapat mereka gunakan untuk menghantar lebihan wang dan kekayaan yang mereka peroleh di negara ini ke negara lain.

Jadi, program patriotisme ini janganlah ditumpukan kepada bangsa Melayu semata-mata. Kita boleh bertanya, apakah para tauke yang kaya-raya menghayati program patriotisme kita? Apakah para anggota dan aktivis pertubuhan bukan kerajaan NGO seperti Dong Zong atau Dong Jiao Zong dan yang lain-lain (termasuk NGO Melayu) dapat berfikir dan bertindak dalam kerangka visi patriotisme itu, tidak sebagai pejuang kepentingan bangsa, kaum atau kepentingan masing-masing?

Sanggupkah orang Melayu dan kaum-kaum lain di negara ini melupakan identiti bangsa masing-masing untuk menjadi satu 'bangsa Malaysia' yang bersatu berdasarkan semangat patriotisme, seperti yang dijelaskan tadi, tidak berdasarkan 'nasionalisme' atau kepentingan kaum? Apakah jawapannya?

● DATUK DR. HASSAN AHMAD ialah Pengarah Eksekutif Yayasan Karyawan Malaysia. Beliau boleh dihubungi di alamat e-mel hasmad@tm.net.my

Ancaman Nasionalisme Terhadap Kebangkitan Dunia Islam

HARAKAH - 7/2/2000

Oleh MAT ZAHARI ALI

Bahagian Pertama

PEPATAH Balkan menyatakan bahawa kita adalah pemegang amanah yang ditugaskan oleh datuk kita untuk disampaikan kepada cucunya. Maka di atas tugas-amah ini lah maka kita berperanan menjaga, menyubur dan mempertahankan hak tersebut agar ia tidak hilang nilai, kuantiti dan maruahnya. Menjaga nilainya kerana ia amat suci, mengekalkan kuantitinya kerana itu adalah simbol penyatuan dan perpaduan. Manakala memelihara maruahnya kerana ia sesuatu yang berharga. Sedarilah, amanah itu adalah agama, bangsa dan negara.

Ini berbeza dengan peganan perjuangan nasionalisme (kebangsaan) yang meletakkan perjuangan bangsa sebagai wadah perjuangan mutlak sehingga mengatasi keputusan dan tindak tanduk.

Malah selain kepentingan bangsa, persoalan dan pertimbangan yang selain dari agenda bangsa dianggap sebagai tidak penting dan remeh. Bagi golongan ini kebenaran adalah perjuangan yang disuluh dari sudut kepentingan bangsa tersebut. Umno merupakan sebuah pertubuhan kebangsaan yang mengamalkan susila sebegini.

Sejarah awal kebangkitan semangat nasionalisme di kalangan penduduk dunia agak kabur. Namun ada di

antara mereka yang cuba melacuri tamadun sejarah dengan menyatakan ia bermula di Eropah pada abad ke-19 iaitu ketika kemuncaknya era perebutan hamba abdi dan kemerdekaan autonomi budaya kaum gasar di Afrika.

Ternyata golongan ini tidak bertanggungjawab. Ketohoran meletakkan fakta kukuh akibat kurangnya kajian dalam penulisan mereka boleh memesangkan sejarah sebenar. Inilah antara warisan zionis yang kian berkembang ke seluruh pelosok alam.

Maka lahirlah segelintir penulis di tahah air yang telah dibeli etikanya cuba menterjemahkan makna nasionalisme itu sebagai 'perasaan cintakan negara'. Namun, kesimpulannya apa yang pasti dalam kebanyakannya kamus antarabangsa menempatkan pengertian nasionalisme itu sebagai perjuangan untuk mendalatkan bangsa.

Menurut pengkaji sejarah terkenal, Jean-Baptiste Duroselle dalam bukunya *Europe A History of its peoples* mengenangkan bahawa nasionalisme sebagai perjuangan sesuatu kaum sama ada ia terdiri dari satu kaum yang kecil ataupun dari adunan rumpun kaum yang terdiri dari beberapa kumpulan kaum yang kecil atau besar.

Sebagai contohnya orang-orang Melayu yang terdiri dari Melayu Jawa, Melayu Bugis, Melayu Patani, Melayu Minangkabau dan

sebagainya. Maka kesedaran untuk memperjuangkan hak bangsa Melayu dengan meletakkan agenda lain sebagai tambahan kepada perjuangan asal itulah dipanggil sebagai perjuangan bangsa atau pejuang nasionalisme.

Andai dilihat pada sejarah China tua, maka fahaman kepuakan atau semangat nasionalisme ini telah bermula sebelum pembukaan Jalan Sutera pada abad pertama sebelum Masihi (SM) lagi. Kemunculan beberapa dinasti dalam pemerintahan China yang berteraskan kepada satu-satu puak telah bermula sejak 2500 SM. Kalau ini dijadikan rujukan maka nasionalisme merupakan salah satu dari perjuangan paling tua dalam sejarah peradaban manusia.

Berdasarkan kepada siapnya tercipta kitab Talmud (kitab suci orang Yahudi yang telah diubahsuai dari kitab Taurat) pada 132 Masihi setelah mengambil masa selama 62 tahun. Tempoh ini amat panjang kerana Senhadrin (ketua Rabbi - iaitu ketua pendita Yahudi) dan para Kahin (pendita di bawah Rabbi) terpaksa menyatukan berpuluhan puak dari kalangan bani Israel yang terlalu taksub sahaman kepuakan dan kebangsaannya.

Kitab Talmud yang dicipta itu bertujuan menyaingi kitab injil yang kian popular di kalangan bani Israel selepas kerasulan Nabi Isa as.

Ketebalan fahaman nasionalisme di kalangan orang

Yahudi dan perselisihan sahaman antara puak-puak ini berhubung agama baru dan agama lama menjadikan mereka sering berperang sesama sendiri. Maka pengalaman orang-orang Yahudi ke arah kekuatan dan kelemahan nasionalisme sangat menonjol selepas bermulanya aliran sejarah moden dunia.

Dekad-dekad selepasnya menyaksikan kewujudan berpuluhan-puluhan pejuang yang berasaskan kepada semangat kepuakan dan nasionalisme tenggelam dan timbul dalam catatan tinta sejarah.

Di Eropah Timur menyaksikan perebutan hilir Sg. Danube di kalangan puak Bulgar dan Slav pada abad ke 7. Penguasaan bangsa Frank di Eropah Barat sehingga berjaya menawan Constantinople. Orang-orang Khazar berjaya menguasai bahagian tengah Steppe di Rusia hingga ke tanah rata di Hungary setelah menghalau puak Magyer pada pertengahan abad ke-9. Manakala penghujung abad ke-9 pula bangsa Viking menguasai fiord-fiord di Scandinavia.

Sebaliknya kejayaan tentera-tentera Islam menakluki Kota Constantinople pada penghujung abad ke-9 adalah disebabkan kelemahan kuasa nasionalisme dalam pemerintahan empayar Byzantine. Perebutan kuasa antarabangsa Rus yang menguasai lautan dan bangsa Frank yang menguasai angkatan perang di darat memudahkan laluan kepada tentera Islam

menakluki empayar Mediteranian tersebut.

Disebabkan kesedaran kelemahan dari ikatan nasionalisme inilah Eropah bersatu di bawah panji agama Kristian untuk mematahkan pengaruh Islam sehingga meletusnya perang seratus tahun atau dikenali sebagai Perang Salib (1097 -1192). Sehingga hari ini hampir seluruh Eropah masih teguh bersatu di bawah kuasa politik yang berteraskan agama.

Di Jerman, Cansolar Helmut Kohl memimpin Jerman di atas tiket parti Christian Sosial Union (CSU) pada 1980 hingga 1998. Selain itu parti Christian Democratic Union of German (CDU) sering menjadi pesaing sengit dalam kancah politik Jerman. Di Belanda, Catholic People Party (CPP) dan Christian Democratic Appeal (CDA) sering silih berganti menerajui negara di bawah paras laut itu.

Manakala di Norway, Kristelig Folkeparti (KrF) atau Christian Democratic's Party telah menguasai negara fiord ini sejak 1979. Di Switzerland CDPP atau Christian Democratic People's Party turut mendapat tempat. Sementara di Luxembourg, Perdana Menteri, Pierre Werner pada 1959 mula popular melalui Party Christian Social (PCS).

Sejak itu, di kalangan pengkaji sejarah Islam meletakkan era selepas perang seratus tahun sebagai bermulanya proses revolusi nasionalisme sedunia. Sebe-

lumnya ia dicongak sebagai satu proses evolusi semula-jadi. Ini merupakan proses terancang bagi melemahkan kebangkitan Islam yang dilihat sebagai kuasa baru yang mempunyai bentuk ketahanan yang tinggi. Islam dilihat akan menguasai seluruh dunia seandainya ia tidak disekat gelombang kebangkitannya.

Ketika berakhirnya perang dingin pada tahun 1980-an maka Islam mula diserang dari pelbagai sudut. Negara-negara Islam diserang, ditekan dan dikenakan sekatan ekonomi sebagaimana Iraq, Iran dan Libya. Selain itu serangan berupa pemecahan budaya asli kepada susila Barat yang bercanggah dengan nilai Islam disemarakkan.

Puluhan bilion dolar dilaburkan dalam pelbagai bentuk pengiklanan serta menaja beberapa rancangan dalam media di negara-negara Islam bagi mengeENGKANGAN budaya mereka. Akhirnya ia menjadi sebatи dan ditiru sebagai satu riadah sehari-hari di kalangan orang-orang Islam.

Dalam aspek politik pula negara-negara yang mempunyai majoriti Islam dipecahkan melalui pelbagai acuan. Gerakan-gerakan nasionalisme dihidupkan supaya rakyat negara terhabit di alpakan dengan Islam. Maka munculnya negara-negara nasionalisme- sekular mendakkan berjaya proses pemecahan kebangkitan Islam oleh Barat dan Yahudi.

(BERSAMBUNG)

Perarakan Semai semangat cintakan negara

ROSMAH DAIN
dan A RAHMAN SALLEH

KALAU mahu melentur buluh, biarlah daripada rebungnya. Itulah peribahasa yang sesuai dituturkan kepada 650 kanak-kanak 16-an Bimbingan Kanak-kanak (BKK) yang mengambil bahagian dalam perarakan Jalur Gemilang tiga sambutan Bulan Kemerdekaan Tahun 2004 bertempat di Parlimen Setiawangsa.

Jalur julung kali di peringkat Parlimen Setiawangsa, merupakan anjuran Persatuan Penghuni Rumah aman Polis Diraja Malaysia (MDM) Hulu Kelang dengan kerja-

sama Unit Pendidikan PraSekolah, Jabatan Kemajuan Masyarakat (Kemas) Wilayah Persekutuan.

Kesemua 650 kanak-kanak itu disertai 20 orang kakitangan Kemas dan ahli jawatankuasanya.

Sejak dari awal pagi lagi, kanak-kanak berkenaan dengan diiringi oleh polis trafik dan guru-guru mereka mengarak Jalur Gemilang sepanjang 200 kaki sejauh 3.4 kilometer dalam masa lebih kurang 45 minit sambil melangguk-perkataan Merdeka!

Nilai

Tidak kira keturunan dan usia, kanak-kanak ini kelihatan cergas dan gembira di sepanjang perarakan me-

nampakkan nilai-nilai perpaduan yang luhur di kalangan mereka.

Jalur Gemilang berkenaan kemudiannya dibawa ke Ibu Pejabat Kemas, Wilayah Persekutuan, untuk dikibarkan.

Antara objektif majlis, adalah untuk menanam semangat cintakan negara terhadap kanak-kanak berkenaan pada usia muda, di samping memberi kesedaran terhadap pentingnya memupuk erti kemerdekaan kepada mereka.

Pengarah Kemas Wilayah Persekutuan, Norizan Muda, ketika menyampaikan ucapannya berkata, kanak-kanak merupakan generasi dan kesinambungan pada hari esok.

Justeru, sudah sewajarnyalah di terapkan pemahaman yang padu menganai erti kemerdekaan dan semangat cintakan agama kepada mereka.

"Mereka bakal menentukan pen raja negara dan dalam tempoh itu kita perlu memberi pendedahan yang wajar kepada generasi ini," katanya.

Hadir sama pada majlis berkenaan ialah Pegawai Kebajikan PDRM, Supritendan Megat Abd. Malek Abd. Hamid.

Sokongan

Dalam pada itu, guru-guru tabika yang ditemui juga turut menyatakan sokongan mereka terhadap program-program seperti itu.

Bagi mereka, langkah berkenaan diharap akan memberikan satu motivasi baru ke arah menyemai semangat cintakan negara dan memahami erti kemerdekaan kepada kanak-kanak.

Hanim Mohd. Aris, 42, guru Tabika Kemas Desa Tun Hussein Onn, menyifatkan perarakan Jalur Gemilang sebagai salah satu langkah untuk menanamkan semangat jati diri di kalangan kanak-kanak.

"Tambahan pula ia berperanan menyemai semangat patriotik di kalangan mereka, di samping berbangga dengan negara mereka yang tercinta," katanya.



HANIM MOHD. ARIS



SITI FATIMAH IBRAHIM

Nasionalisme: Tanpa jati diri dan arah tuju

Harakah 14/2/2000

*Oleh MAT ZAHARI ALI

(Bahagian Akhir)

SELAIN faktor yang dicatatkan dalam tulisan terdahulu, ketebalan fahaman kepadaan antara orang-orang Frank dan Rus yang mempertahanan kota Byzantin itu memberi tip tambahan ke arah kemenangan tentera Islam di Konstantinople. Ini juga membuktikan betapa rapuhnya ikatan nasionalisme dihancurkan oleh musuh-musuh mereka.

Sejarah dunia membuktikan bagaimana keagungan empayar Islam bertapak di Sepanyol, Balkan, India, China dan Afrika, Islam utuh terbinar kecemerlangannya selama beratus-ratus tahun. Kesan kegemilangan tersebut masih dapat kita nikmati hingga ke hari ini bila mana kita sendiri menerima agama Islam dalam kehidupan kita akibat usaha dakwah dari para mubaligh Islam ketika zaman kecemerlangan Islam itu.

Manakala di Asia Tenggara pula kemunculan ekstremis nasionalisme di Indonesia ketika Sukarno dibiarkan oleh British dan Amerika walaupun ketika itu pengaruh Komunisme turut bersaing merebut tempat di rantau ini. Ini antara bukti bahawa mana-mana negara penakluk dunia pun tidak akan gentar dengan kekuatan perjuangan nasionalisme kerana tiada bukti yang menunjukkan bahawa kuasa nasionalisme mampu menguasai negara taklukan mereka sebegini lama.

Hari ini pun kita dapat saksikan manakah negara yang mewakili kumpulan nasionalis yang mendapat tekanan dan ancaman dari kuasa penjajah dunia seperti Amerika dan sekutunya walaupun negara terbabit disahkan melakukan keganasan antarabangsa. Jawapannya tidak ada. Kalau

adapun sekadar ingin mengabui mata dunia bagi membuktikan kuasa besar terbabit tidak mengamalkan *double standard* dalam menjamin hak asasi manusia.

Sebaliknya sekiranya negara tersebut adalah negara Islam atau negara yang mengamalkan perundangan Islam, bukan saja bila negara tersebut bertindak malah khabar angin dan fitnah yang ditiup oleh negara lain pun tindakan drastik telah di ambil. Pengalaman Iraq setelah beberapa kali di serang oleh tentera Amerika dan British adalah natijah yang membuktikan bahawa bagaimana takutnya musuh-musuh Islam itu terhadap kebangkitan dunia Islam sejagat.

Lantaran kesedaran inilah setiap putik dan tunas yang dilihat sebagai pemangkin yang akan menghidupkan kebangkitan Islam akan dicantas dan dimusnahkan oleh musuh-musuh Islam. Golongan ini akan memperkudakan apa saja termasuk PBB dan pertubuhan yang berkaitan dengan hak asasi manusia asalkan dapat menghalalkan tindakan mereka menindas negara Islam.

Setakat ini sejarah kegemilangan nasionalisme puak Hiksos saja yang berjaya menghidupkan sembilan belas dinasti Firaun selama lebih 1 000 tahun di Mesir sebelum Firaun Haremhab dikalahkan oleh kaum Assyria pada 1165 SM. Antara rujukan yang boleh dibanggakan. Itu pun ketika tahap ketamadunan manusia masih berada di bawah paras kejahilahan.

Sementara di Tanah Melayu pula ketika usaha menuntut kemerdekaan negara dilakukan dahulu, penyertaan parti Ikhwan al-Muslimun untuk menuntut kemerdekaan ditolak sebaliknya Umno sebuah parti nasionalisme dibenarkan untuk merintis kemerdekaan Tanah Melayu.

Ini disebabkan British menyel-

dari sekiranya sebuah parti yang condong kepada Islam diberikan ruang maka sukar untuk British menguasainya. Sebaliknya dengan menyerahkan Tanah Melayu kepada sebuah parti yang mendokong fahaman kebangsaan maka ia tidak akan kuat dan bertahan lama serta mudah untuk di jajah pemikiran mereka.

Lantaran itulah hingga ke hari ini, di Malaysia, Umno masih menggunakan undang-undang British dalam sistem perundangan negara. Begitu juga dengan sistem lain seperti sistem pendidikan, sistem ekonomi, perbankan, dasar sosial dan sistem politik kita. Maka dimanakah harga kemelayuan (nasionalisme) itu dihalakan. Hakikatnya perjuangan bangsa tidak mempunyai arah tuju yang sebenar kerana itulah perjuangan nasionalisme itu sempit dan ortodok sifatnya.

Kalaupun Melayu itu kaya dengan adat-adatnya untuk diterima pakai sebagai sandaran dalam membentuk perundangan negara, apakah ia relevan? Sedangkan tidak mungkin Melayu Patanni dan menerima adat pepatih dari adat kalangan Melayu Minangkabau sebagai satu peraturan dalam adat mereka. Itu baru satu dari beberapa disiplin lain dalam aturan hidup ber-masyarakat. Tidak keterlaluan kalau begini bentuk perjuangan yang sedang dituju maka adalah tidak mustahil Umno akan menerima apa saja perundangan luar asalkan ia membela kaum melayu.

Menerima sistem riba dalam sistem perbankan kita kerana ia dianggap menguntungkan bangsa Melayu walaupun Islam mengharamkan riba. Sistem pendidikan negara yang meminggirkan tulisan jawi kerana tulisan jawi hanya tulisan al-Quran dan ia tidak diguna pakai secara menyeluruh di dunia. Maka sekiranya ini ditekankan kepada pelajar kita

khususnya orang-orang Melayu, akhirnya orang Melayu hanya pandai baca Quran tetapi jahil dengan ekonomi dan perniagaan. Inilah antara wadah perjuangan Umno yang mewarisi perjuangan nasionalisme-sekular berbentuk parasit ke arah menenggelamkan Islam dan perundangannya dari maya fana ini.

Persoalannya mengapakah perundangan Islam itu tidak dapat diterima oleh golongan nasionalisme yang mengakui mereka beragama Islam? Apakah disebabkan masyarakat majmuk di Malaysia atau sememangnya mereka bencikan kebangkitan Islam sebagaimana penjajah dulu, kini dan selamanya itu yang tidak mahu melihat Islam itu bangkit?

Bukankah amalan sekular yang disebatikan dalam sistem pemerintahan negara sekarang banyak memberi ruang kepada musuh Islam menjajah ekonomi, politik dan sistem sosial kita? Kegawatan ekonomi akibat spekulasi ke atas Ringgit oleh pedagang mata wang dunia, kelonglaian nilai bon-bon kita di luar negara, hilangnya keyakinan pelabur ke atas ekonomi kita hingga membawa hilangnya keyakinan rakyat pada pemimpin negara dan sebagainya itu seharusnya menjadi iktibar yang besar kepada pemimpin-pemimpin nasionalisme-sekular di Malaysia.

Sebaliknya, kelemahan Pertubuhan negara-negara Islam Sedunia (OIC) sering dijadikan bahan telunjuk oleh pemuka-pemuka nasionalisme-sekular bagi memberikan gambaran mengapa negara Islam itu sukar untuk di realisasikan dalam arus globalisasi hari ini. Inilah alasan murahan mereka kerana sebelum dunia tanpa sempadan digembar-gemburkan pun Islam itu tidak mahu diterima mereka. Kelemahan OIC tidak seharusnya dilihat pada pertubuhan antarabangsa tersebut

sebaliknya negara-negara anggota badan itulah yang meletakkan pertubuhan yang mewakili lebih 1.4 bilion umat Islam sehina itu di mata dunia.

OIC yang dianggotai 55 negara umat Islam namun hanya lima negara yang menjalankan hukum syariat Islam dan selebihnya adalah negara pengamat nasionalisme-sekular termasuk Malaysia. Justeru di manakah nilai kesungguhan untuk menjadikan pertubuhan Islam yang di asaskan sejak 1960 itu setanding dengan pertubuhan lain seperti EC, Apec, Nato dan lainnya?

Lantaran OIC tidak akan membawa apa-apa keuntungan kepada bangsa yang diwakili oleh negara anggotanya maka peranan anggotanya hanya menjadikan badan tersebut sebagai boneka sahaja. Sebaliknya sekiranya Islam itu bangkit di negara mereka maka gerakan nasionalisme-sekular akan berkubur dan mereka akan hilang kuasa dan kepentingan. Maka meletakkan OIC sebagai badan dunia yang lemah lagi daif akan memberikan ruang kepada nasionalisme-sekular bertapak dengan lebih selesa.

Sebagai umat Islam yang meyakini Qada Ilahi, kita seharusnya tidak perlu kecewa dengan pelbagai tekanan kerana sejak Islam wujud hingga ke hari ini, Islam sentiasa di halang kebangkitannya. Namun Umat Islam seharusnya sedar bahawa musuh Islam sentiasa mengintai kelemahan kita.

Dari itu kita harus sedar siapakah musuh Islam itu dan bagaimanakah untuk menghalang dan melemahkan mereka. Jawapannya hanya satu iaitu kita harus bersatu. Selebihnya kita juga harus sedar bahawa musuh Islam itu bukan sekadar Barat dan Yahudi tetapi sesetengahnya mereka yang sebangsa dan seagama dengan kita yang bertopengkan sekular dan berwatakkan nasionalisme.

Serlahkan patriotisme dalam setiap dasar kerajaan

Utusan Malaysia
5/9/2004.

Tajuk: *Patriotisme: Agenda Pembinaan Bangsa*
Penulis: Abd. Rahim Abd. Rashid
Penerbit: Utusan Publications & Distributors
Tahun: 2004
Pengulas: ADIB FAHMY

SAMBUTAN ulang tahun Hari Kemerdekaan Ke-47 yang berlangsung dengan meriah dan besar-besaran di Kuantan, Pahang telah lima hari ditinggalkan.

Bagi generasi yang terlibat memperjuangkan kemerdekaan tanah air, semangat patriotisme di kalangan mereka pastinya meluap-luap. Manakan tidak, penat lelah menghaiau penjajah akhirnya dibayar dengan pembentukan sebuah negara yang merdeka dan berdaulat.

Namun semangat yang sama semacam tidak mendapat tempat di kalangan generasi muda hari ini. Jarak masa yang memisahkan generasi muda dengan kepayaan generasi terdahulu, menyebabkan mereka alpa tentang nilai sebuah negara yang merdeka.


Sebagai pemerhati senario masa kini, Pengarah Pusat Pembangunan Keluarga Universiti Malaya, Professor Dr. Abd. Rahim Abd. Rashid tersentuh hati melihat susutnya nilai serta semangat patriotisme di kalangan generasi muda.

Ketika ditemui baru-baru ini, beliau yang juga pensyarah dalam bidang pendidikan melahirkan rasa bimbang mengenai sikap generasi muda yang terlalu mengambil kesempatan daripada keadaan negara yang aman dan sentosa.

Menyedari hakikat itu, Abd. Rahim yang sering menulis mengenai patriotisme dan nasionalisme menjamkan hasrat untuk membukukan hasil tulisan beliau yang kebanyakannya tertumpu kepada kedua-dua isu itu.

Beliau percaya untuk mengembalikan semangat patriotisme di kalangan generasi muda yang semakin luntur, ia perlu diterap di peringkat awal lagi seperti mana yang berjaya dilakukan di beberapa negara termasuk Jepun.

Malah, katanya, semangat patrio-



ABD. Rahim bersama bukunya,
Patriotisme.

tisme sebenarnya mesti diserlahkan dalam setiap dasar kerajaan tanpa mengira sama ada ia menyentuh aspek ekonomi, sosial, politik atau agama.

"Kita kena ingat kegagalan merebakkan semangat nasionalisme dalam setiap dasar yang dilaksanakan oleh kerajaan boleh menggagalkan agenda pembangunan negara," katanya.

Generasi

Buku *Patriotisme: Agenda Pembinaan Bangsa* menurut Abd. Rahim adalah koleksi hasil tulisan beliau mengenai isu-isu berkaitan nasionalisme dan patriotisme yang sebenarnya amat penting dalam pembentukan jiwa generasi muda yang cintakan tanah air.

Menyedari hakikat itu, beliau yang amat prihatin terhadap perihal pentingnya penerapan semangat nasionalisme di kalangan generasi muda, menurunkan semangat itu dalam bentuk penulisan untuk dihayati bersama.

Abd. Rahim percaya semangat patriotisme hanya boleh dihayati di kalangan generasi muda melalui dasar-dasar yang diperkenalkan oleh kerajaan terutama dalam sistem pendidikan yang kini semakin tawar nilai patriotiknya.

Beliau tidak teragak-agak menyentuh mengenai mata pelajaran Sejarah baik di sekolah rendah maupun menengah yang disifatkan sebagai gagal membentuk pelajar yang mempunyai semangat nasionalisme dan patriotisme.

Kegagalan itu, menurut penulis buku ini menyebabkan kurangnya penghayatan di kalangan generasi muda tentang semangat cintakan tanah air yang jika tidak dikawal rapi pasti membantutkan usaha membangunkan negara.

Beliau turut menyentuh mengenai dasar-dasar yang dilaksanakan oleh kerajaan tetapi tidak diiringi oleh penerapan semangat nasionalisme.

"Jika sesuatu dasar yang digubal meminggirkan semangat nasionalisme, hasrat murni kerajaan untuk melihat lahirnya generasi yang berwawasan pasti akan gagal," katanya.

Buku ini merupakan cetusan pemikiran Abd. Rashid terhadap isu-isu semasa yang diolah dan dianalisis dalam konteks patriotisme.

Bagi beliau, patriotisme menjadi subjek dan tema penting yang mencorakkan hala tuju perubahan Malaysia selepas negara mencapai kemerdekaan hampir 47 tahun lalu.

Katanya, semangat nasionalisme penting dalam keadaan dunia yang semakin berubah serta cabaran arus globalisasi dan liberalisasi yang semakin mengganas.

Justeru, dalam setiap tulisannya Abd. Rahim mencadangkan supaya diwujudkan patriotisme baru yang mampu dicetuskan menerusi dasar yang dilaksanakan oleh kerajaan.

Beliau berkata, senario sekarang mampu menjadi bukti betap lemahnya penghayatan semangat patriotisme di kalangan generasi muda sehingga membataskan kibarkan agenda pembangunan negara khususnya di kalangan orang Melayu.

"Semua dasar sama ada ekonomi politik, pendidikan atau sosial perlu diterapkan semangat patriotisme kerana pembangunan tidak boleh berlangsung tanpa elemen peristiwa itu," katanya.

Membina perpaduan ebenar melalui Islam dan patriotisme

Oleh Dr Sidek Baba

PATRIOTISME atau sayangkan bangsa dan negara adalah semangat yang lazimnya wujud pada sesuatu bangsa. Ia adalah suatu tabii yang terdapat pada setiap individu.

Dari sudut Islam, faham patriotisme ini dilihat dari dua sudut. Pertama, faktor 'litarrafu' (kekenalan) yang menjadi asas patriotisme dan kedua, faktor 'rahmah alamiyyah' yang mendasari skop patriotisme itu sendiri.

Faktor 'litarrafu' (kekenalan):

Allah menjadikan manusia dengan sifatnya berbangsa-bangsa. Kejadian berbangsa-bangsa ini adalah suatu fitrah.

Mesti ada rahsia di sebalik sunnatullah, manusia tidak dijadikan dari suatu kumpulan etnik atau bangsa saja.

Surah al Hujurat (ayat 13) memperjelaskan hakikat di atas bahawa kejadian berbangsa-bangsa ini membolehkan faktor sosialisasi (kekenalan) berlaku.

Proses 'litarrafu' tidak difahamkan secara terbatas dalam lingkungan etnik dan bangsa saja tetapi ia merentasi kekenalan terhadap budaya cara hidup etnik atau bangsa lain.

Islam menegah semangat 'asabiyyah kaumiyyah' atau melihat diri kaumnya saja yang terbaik sehingga tidak timbul semangat memperkongsi dan belajar daripada orang lain.

Allah tidak menjadikan sesuatu kaum atau bangsa memiliki kesemua keseumpamaan. Sifat kesalingan (reciprocal) sentiasa menjadi asas sosiologis pembudayaan sesuatu kaum.

Wujudnya sesuatu kaum atau bangsa adalah dalam konteks saling memerlukan dan inilah asas terhadap proses membina negara.

Dalam tradisi Islam, individu adalah penting tetapi kepentingan 'jamaah' dilihat lebih utama daripada itu.

Faham 'kekenalan' bagi sesuatu bangsa atau etnik terhadap bangsa atau etnik lain mestilah dalam konteks yang lebih luas.

Keluasan kekenalan itu bersasarkan sesuatu yang baik dan bermanfaat.

Kebaikan manfaat itu tidak pulak bercanggah dengan keper-

Kesediaan untuk melihat semua orang diberi peluang mendapat pendidikan yang baik, menyanjung erti merit dan persaingan yang sihat, mahukan semua orang terdidik dan menjadi warga yang baik adalah faktor menyumbang terhadap kemajuan negara.

luan dan hak asasi manusia.

Keperluan memperkongsi dan belajar daripada orang lain adalah asas bagi terbinaan kemanusiaan dan peradaban.

Patriotisme yang selari dengan konsep 'litarrafu' ini tidak beranggah dengan Islam.

Semangat sayangkan bangsa dan negara ini hendaklah dilihat dan diamalkan dalam pengertian yang mencakupi.

Semangat sayangkan bangsa dan negara ada kaitannya dengan faktor asas pembinaan negara.

Antara faktor asas pembinaan negara berkait rapat dengan faktor keairanan, kedamaian, kestabilan dan kemajuannya.

Kedamaian hanya boleh wujud sekiranya bangsa-bangsa dalam sesuatu negara itu mempunyai daya tolak anasir yang tinggi terhadap perbezaan dan juang.

Kesediaan menerima yang berbeza itu sebagai sesuatu yang berbeza dengan memiliki etika mengenai perbezaan akan membawa banyak titik persamaan dari titik perbezaan dan membawa perkongsian lebih daripada memikirkan diri sendiri.

Kedamaian juga sebagai asas pergerakan dan kegiatan kenegaraan menjadi lebih teratur.

Suasana damai membawa keadaan selesa dan yakin diri melakukan sesuatu. Keadilan sebegini sangat menyumbang ke arah ketabihan negara.

Kestabilan adalah sunci terhadap kemajuan sesebuah negara. Kestabilan dalam ekonomi berpunca dari sikap rakyatnya yang berdisiplin, kuat bekala dan berakhlik mulia.

Kestabilan dalam pendidikan digerakkan oleh kecintaan kepada ilmu, ketrampilan dan fokus terhadap usaha-usaha penyelidikan.

Kesediaan untuk melihat semua orang diberi peluang mendapat pendidikan yang baik, menyanjung erti merit dan persaingan yang sihat, mahukan semua orang terdidik dan menjadi warga yang baik adalah faktor menyumbang terhadap kemajuan negara.

Kemajuan bagi sesebuah negara adalah syarat penting bagi mengukuhkan semangat patriotisme kerana setiap dari warga yang baik berperanan menyumbang menggunakan ilmu dan ketrampilan sebaik mungkin supaya produktiviti negara meningkat, profesionalisme semakin tinggi, sifat amanah menebal, rasa sensitif terhadap anasir yang menggugat kebenaran dan keadilan sentiasa segar dan peka terhadap toleransi dan pengorbanan.

Faktor-faktor di atas - sekiranya berkembang dengan baik kepada individu, kelompok atau bangsa-bangsa yang ada dalam sesebuah negara - adalah pancaran patriotisme tinggi yang amat dituntut oleh agama.

Sekiranya terdapat dalam sesuatu negara orang Islamnya majoriti, patriotisme golongan majoriti mesti mampu memberi naungan kepada kelompok minoriti.

Kelompok minoriti hendaklah berasa selamat dan berasaskan sumbangannya untuk membantu negara - walaupun kecil tetapi dihargai.

Begitu juga sekiranya umat Is-

lam berada dalam kelompok minoriti merit yang pada orang Islam hendaklah menjadi faktor penyumbang kepada pembangunan negara seperti kata bidalan 'di mana bumi dipijak, di situ langit dijunjung'.

Faktor 'rahmah alamiah':

Kecintaan kepada bangsa dan negara harus terpancar dan memberi manfaat kepada negara dan bangsa lain.

Patriotisme dalam pengertian negara dan bangsa tidak harus dibatasi dalam lingkungan budaya atau geo-politik yang sempit.

Kestabilan dan kemajuan yang terbina hasil patriotisme tinggi, membolehkan negara atau bangsa berkenaan menjadi model kepada negara dan bangsa lain.

Oleh itu, patriotisme bukan sekadar lafadz dan ikrar semata-mata dilambangkan oleh kegigihan, kecekalan untuk cemerlang dalam semua bidang supaya kecemerlangan itu memberi asas kepada terbinanya tamadun.

Apabila tamadun terbina, dengan sendirinya ia memberi manfaat kepada bangsa dan negara lain.

Suatu ketika dulu, tamadun Islam amat berkembang dan ia menjadi rujukan Barat dan Timur.

Hari ini tamadun Barat pula berkembang dan kesan pengaruhnya terhadap umat manusia amat besar sekali.

Dalam konteks patriotisme tinggi, tamadun sesuatu bangsa tidak hanya dilihat dari sudut kebendaan dan kemajuan teknologi saja.

Faktor 'rahmah alamiah' memberi skop dan makna yang lebih luas lagi.

'Rahmah alamiah' menjadi faktor patriotisme luas mencakup kepentingan alat dan juga mengutamakan kepentingan matlamat supaya kemajuan yang berlaku terbina atas prinsip-prinsip kemanusiaan.

Nilai-nilai manusiawi inilah yang sering keciciran apabila patriotisme sempit tidak mendukung faktor 'rahmah alamiah' dan ia boleh menyebabkan kejumalan berfikir, enggan memanfaatkan faktor-faktor berbanding yang menyumbang, berasaskan diri sudah cukup, lantas mem-

bina sindrom selesa dan akhirnya sikap begini menyebabkan diri terkurung dalam kepompong sendiri dan terasing dengan perubahan di luar lingkungan.

Nilai-nilai kukuh faktor 'litarrafu' (kesalingan) dan 'rahmah alamiah' (rahmat sejagat) melahirkan nilai-nilai kukuh yang amat perlu bagi membina perpaduan sebenar sama ada merujuk kepada bangsa-bangsa atau umat manusia.

Nilai kukuh yang utama yang mendasari faktor-faktor di atas ialah ketakwaan (atqaqum).

Ketakwaan menjadi ukur tara yang utama menentukan seseorang manusia memiliki nilai-nilai kukuh supaya pembinaan negara bangsa atau umat beraidat berada dalam kerangka fitrah.

Kerangka fitrah membenarkan wujudnya kelainan dan perbezaan. Kelainan dan perbezaan sifatnya memperkayakan, bukan menyempitkan akal budi.

Perbezaan dalam pendapat yang tidak bercanggah dengan syariat dilihat sebagai rahmat.

Nilai-nilai kukuh seperti menghormati perbezaan, apresiasi terhadap persamaan, toleransi terhadap orang lain, kesediaan belajar nilai-nilai sejagat yang pelbagai dan mengakui kelemahan diri sendiri, cintakan keadilan dan kebenaran, peka terhadap nilai-nilai kemanusiaan, menghormati hak asasi, toleransi terhadap perbezaan agama, budaya dan adat resam serta menyumbang terhadap pembangunan umat manusia adalah faktor-faktor nilai yang menyumbang ke arah perpaduan.

Dalam konteks negara Malaysia, semangat patriotisme harus lahir secara rela dan tulus tanpa paksaan.

Patriotisme adalah keinsafan tinggi yang perlu ada pada setiap warganya supaya semangat kewatanan mampu mengukuh ke dalam dirinya dan menyumbang terhadap bangsa dan negaranya.

Dalam masa yang sama, semangat itu harus terus berkembang dan mampu menangani perubahan zaman tanpa alpa kepentingan jati diri di samping menyumbang terhadap cabaran lingkungan berasaskan acuan sendiri.

Mengenang Kembali Dr. Burhanuddin Al-Helmy : Tuduhan Palsu Kerajaan Perikatan

HARAKAH - 5/11/1999 .

Oleh
BADRUL MUNIR

BULAN Oktober lalu genaplah tiga puluh tahun pemergian ke rahmatullah Allahyarham Dr. Burhanuddin Al-Helmi, bekas Presiden PAS tokoh pejuang yang telah banyak memberikan sumbangan bukan sahaja kepada PAS, tetapi kepada bangsa, agama dan tanah air kita.

Tokoh besar dalam sejarah politik tanah air kita berjasa besar dalam memerdekaan tanah air, mendaulatkan bangsa dan mencorakkan keperibadian politik negara kita. Beliau dikenali bukan sahaja sebagai ahli politik tetapi juga sebagai seorang doktor homeopati, ulama, ahli tasyaf, pemdato yang mengagumkan, penulis, wartawan, seorang guru dan pendidik dan seorang pejuang tulen.


Perjuangan mendaulatkan Islam bukanlah bermula sejak beliau menyertai PAS tetapi beberapa gerakan politiknya menunjukkan penglibatan aktifnya dalam merealisasikan cita-citanya itu.

Dr. Burhanuddin telah terlibat dalam penubuhan Hizbul Muslimin pada tahun 1948 di Illhya Gunung Semanggol, Perak. Dalam persidangan untuk menubuhkan "Parti Orang-orang Islam" atau dikenali dengan Hizbul Muslimin, beliau berperanan menyokong usul yang dibawa oleh Ustaz Abu Bakar Al-Bakir.

Persidangan itu telah menyentuh kehendak menjadikan Tanah Melayu sebagai Darul Islam. Dr. Burhanuddin pernah berbaiah dengan ulama terkenal Sheikh Junid Tola di Padang Rengas untuk memperjuangkan sebuah negara merdeka berlandaskan Islam.

Kemasukannya sebagai ahli PAS pada 14 Disember 1956 dan seterusnya dilantik sebagai Yang Dipertua PAS dalam Muktamar Tahun 1956 telah menyemarakkan lagi obor perjuangan gerakan Islam di Tanah Melayu ketika itu.

Perjuangan mendaulatkan negara Islam oleh Dr. Burhanuddin dalam PAS jelas sebagaimana yang diucapkannya dalam Muktamar Agung PAS kali ke-12



Allahyarham Dr. Burhanuddin Al-Helmi

"Dalam pergolakan politik tanah air ini, PAS muncul dengan cita-cita kene-garaan Islam.

Cita-cita ini wujud dan diperjuangkan berdasarkan keyakinan hidup beragama dalam kalangan pendukung PAS. Dinyalakan oleh sinaran Rasulullah s.a.w., sahabat Baginda yang telah berjaya membentuk pemerintahan yang bercorak dan berhukum Islam dalam pentadbiran-nya ... Islam sebagai cita-cita kenegaraan yang kita perjuangkan di dalam PAS dalam keyakinan kita ... tidak sahaja akan membawa rahmat kepada umat Islam di dalam negara ini tetapi juga akan membawa kebijakan kepada rakyat negara yang bukan Islam."

Dalam merealisasikan cita-cita menegakkan daulah Islamiah Dr. Burhanuddin berpesan kepada petugas-petugas Islam dalam PAS agar memperkuatkan keperibadian Islam dalam diri masing-masing.

Menurutnya, "kekuatan PAS sebagai parti politik perjuangan Islam terletak kepada kemampuan setiap ahlinya mendalami ajaran Islam. Hendaklah setiap ahli terutama yang bernama pemimpin mémperlihatkan kesempurnaan Islam itu. Jika cita-cita

perjuangan kita merupakan satu bangunan, maka kita semua adalah merupakan batu-bata yang disusun menjadi kesatuan bagi mendirikan bangunan tersebut. Mari kita memperkuatkkan parti kita dengan memperkuatkkan ideologi Islam pada setiap diri ahli. Kita selami lautan dalam Ke-Islaman itu, kemudian kita rasakan dalam jiwa dan kalbu kita nikmat kebenaran hidayat Allah SWT, sesudah itu kita amalkan tugas-tugas keagamaan itu dengan semangat reda dan tawakal."

Personalitinya Dr. Burhanuddin jelas menggambarkan usahanya menghidupkan keperibadian Islam dalam dirinya. Allahyarham Ahmad Boestamam yang menulis tentang peribadi Dr. Burhanuddin dalam bukunya berjudul "Dr. Burhanuddin: Putera Setia Melayu Raya" menyifatkan Dr. Burhanuddin sebagai seorang pemimpin yang tidak kenal angkuh.

Pengaruh besarnya dalam politik tidak menyebabkan dia bongkak, takbur, angkuh dan besar kepala. Berbeza dengan sesetengah pemimpin yang semakin besar dan tinggi kedudukannya semakin sukar didampingi rakyat. Sebaliknya, Dr. Burhanuddin mudah didampingi dari yang setinggi-tingginya hingga lah yang serendah-rendahnya.

Malah menurut Ahmad Boestamam, Dr. Burhanuddin Al-Helmi bukan sekadar didatangi bahkan mendatangi pun dia demikian mudahnya. Beliau seboleh-bolehnya memenuhi jemputan berceramah walaupun tempatnya jauh di pedalaman. Bagi beliau "tidak baik mengecewakan harapan orang."

Sifatnya inilah yang menyebabkan dia tidak pernah mengenakan syarat supaya kepadanya dihantarkan wang untuk tambang pergi dan baliknya walaupun dia tidak mempunyai mata pencarian apa-apa atau tetap kerana sepenuh masanya ditumpukan kepada perjuangan. Oleh yang demikian, penjajah sangsi dari manakah sumber kewangan Dr. Burhanuddin.

Sedangkan menurut cerita Ahmad Boestamam, Dr. Burhanuddin sebenarnya tidak memerlukan wang yang banyak untuk keperluan hidupnya. Dia tidak merokok. Dia tidak memerlukan pakaian-pakaian yang mewah untuk

menutupi badannya. Dia boleh hidup dan kenyang dengan memakan makanan rakyat biasa. Malah, ketika beliau menjadi ahli parlimen Besut, sanggup berjalan kaki dari tempat penginapannya ke bangunan Parlimen untuk mengikuti persidangan Dewan Rakyat.

Sungguhpun Dr. Burhanuddin seorang yang berbadan kecil dan perwatakan lemah lembut ini tidak bermakna beliau seorang yang lembut hati jiwa dan semangat, yang boleh "disudu" dengan mudah, yang boleh dipengaruhi dengan senang, yang pak turut dan seumpamanya.

Ahmad Boestamam yang rapat dengan beliau menyatakan bahawa Dr. Burhanuddin mudah diyakinkan kepada sesuatu sikap dan pendirian kalau kita boleh memberikan alasan-alasan yang konkret dan dapat pula diterima oleh akalnya. Tetapi jika dia telah membuat sesuatu sikap atau sikap itu diyakininya betul-betul janganlah diharapkan sesiapa pun dapat mengubahnya.

Itulah sebabnya beliau berjuang merdeka tanah air ini dan menentang penjajah tanpa kompromi, menarik PKMM bersekutu dalam Umno pada tahun 1946, memperjuangkan konsep Melayu Raya hingga akhir hayatnya. Pemimpin berjiwa besar ini bukan sahaja pernah difitnah oleh musuh politiknya supaya beliau tidak bertanding dalam pilihan raya 1964, malah pernah meringkuk dalam penjara.

Demi menegakkan cita-cita perjuangan Dr. Burhanuddin menghadapi pelbagai tribulasi perjuangan sehinggakan meringkuk dalam penjara. Ketika Hizbul Muslimin diharamkan, Dr. Burhanuddin Al-Helmi merupakan tokoh yang disenaraikan untuk ditangkap oleh penjajah British.

Walaupun terlepas dari tangkapan British akibat pengharaman Hizbul Muslimin, pihak penjajah kemudian bertindak menangkap Dr. Burhanuddin kerana terlibat dalam perarakan membantah kerajaan British dalam bulan Disember 1950 berikut dengan peristiwa Nadhra atau Maria Hertogh. Dalam peristiwa itu, Dr. Burhanuddin berperanan sebagai ahli Jawatankuasa Bertindak Nadhra untuk

mempertahankan agama Islam yang dianut oleh Nadhra. Beliau dipenjarakan di Pulau Sekijang, Singapura.

Pada 18 Januari 1965, Dr. Burhanuddin ditahan oleh kerajaan Perikatan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri kerana dituduh hendak mendirikan 'kerajaan buangan' di Pakistan. Beliau dipenjarakan di Batu Gajah dan sejak dipenjarakan itulah kesihatannya terganggu dan kelihatan uzur.

Keadaan inilah yang menyebabkannya selalu berulang alik ke rumah sakit Batu Gajah. Kesihatannya bertambah buruk selepas dibebaskan dan akhirnya putera terbesar tanah air ini kembali kerahmatullah pada 11 Oktober 1969 di Taiping, Perak.

Ahmad Boestamam yang sama-sama menjadi tahanan di Batu Gajah kerana ISA menukilkan peristiwa apabila beliau mendapat berita kematian Dr. Burhanuddin dengan penuh menyayat hati. Beliau mendapat berita kematian Dr. Burhanuddin dari warta berita radio ketika makan tengah hari.

Katanya "saya berhenti menyupni nasi. Selera saya tiba-tiba saja terkatup. Makanan yang sedang saya kunyah tidak mahu saya telan dan kerana itu terpaksa saya luahkan. Sambil membisu tangan air mata saya bercucuran keluar membasi pipi dan kemudian menitik dalam pinggan. Saya tidak dapat menahan kesedihan hati dan kerana itu saya menangis sepuas-puasnya.

"Saya jarang menangis. Tidak mudah saya mengeluarkan air mata. Mungkin kerana air mata saya ini sudah kering oleh banyaknya ditumpahkan pada masa-masa yang telah lalu sebagai menggarami kepahitan hidup yang tidak putus-putus menimpah saya. Tetapi kali ini saya dapat menangis. Isteri saya agak hairan juga melihat saya boleh menangis." (Dr. Burhanuddin Al-Helmi, Putera Setia Melayu Raya; halaman 72).

Kita doakan semoga jasa dan perjuangan Allahyarham Dr. Burhanuddin Al-Helmi, Ahmad Boestamam dan pejuang-pejuang terdahulu diberi ganjaran sebagai amal soleh di akhirat. Al-Fatihah buat Allahyarham Dr. Burhanuddin, Ahmad Boestamam dan pejuang-pejuang terdahulu.

Sayid Syeikh Al-Hadi : Penyebar Ilmu Yang Gigih

UTUSAN MALAYSIA

14/6/2004.

Oleh WAN MOHD. SHAGHIR ABDULLAH

ULAMA NUSANTARA

TERDAPAT pertikaian pendapat tentang tarikh dan tempat lahir Sayid Syeikh al-Hadi. Pendapat pertama menyebut bahawa beliau lahir di Kampung Hulu, Melaka, pada hari Jumaat, 25 Rejab 1281 Hijrah/24 Disember 1864 Masihi. Dalam buku Sayid Syeikh Al-Hadi, Sasterawan Progresif Melayu karya Talib Samat, hari lahirnya ialah hari Selasa (lihat hlm. 1), buku Jadwal Tarikh, Bulan dan Tahun Hijri-Masihi, jilid 14 karya Raja Haron bin Raja Mohammad Salleh (manuskrip) tarikh 25 Rejab 1281 Hijrah bukannya hari Selasa, tetapi adalah hari Jumaat. Maklumat di Muzium Islam Melaka pula dinyatakan bahawa beliau lahir pada tahun 1278 Hijrah/1862 Masihi. Selain itu ada lagi yang menyebut bahawa Sayid Syeikh al-Hadi lahir pada tahun 1867 Masihi.

Dalam buku Pendokumentasian Nas-kah Kuno Melayu dan Kajian Khusus, Hasan Junus menyebut bahawa Sayid Syeikh al-Hadi "lahir di Pulau Penyengat pada akhir tahun 1860-an atau awal tahun 1870-an." (hlm. 128). Beliau meninggal dunia di rumahnya No. 410, Jalan Jelutong, Mukim Jelutong, Pulau Pinang pada 6 Zulkaedah 1352 Hijrah/20 Februari 1934 Masihi.

Ayahnya Sayid Ahmad bin Sayid Hasan as-Saqaf al-Hadi lahir pada hari Khamis, di Kampung Hulu Melaka, 1 Syawal 1253 Hijrah/29 Disember 1837 Masihi dan meninggal dunia di Penyengat, Riau pada Sabtu, 15 Zulhijjah 1312 Hijrah/9 Jun 1895 Masihi. Sayid Syeikh al-Hadi termasuk dalam golongan kerabat diraja Riau-Lingga kerana ayah saudaranya, Sayid Muhammad al-Hadi berkahwin dengan Syarifah Hasyimah binti Sayid Utsman as-Saqaf. Sebelah ibu Syarifah Hasyimah ini adalah keturunan Upu Daeng Celak, iaitu jalur ke atas golongan Diraja Riau-Lingga.

AKTIVITI

Aktiviti Sayid Syeikh al-Hadi secara garis besarnya dapat dibahagikan kepada empat kelompok ialah: a) Aktiviti organisasi, b) Aktiviti menolong Raja Ali Kelana, c) Aktiviti pendidikan, d) Aktiviti penulisan. Organisasi yang pertama didirikan oleh orang Melayu ialah Jam'iyyatul Fathaniyah oleh Syeikh Ahmad al-Fathani di Mekah (1290 Hijrah/1873 Masihi) yang diikuti oleh Jam'iyyatul Rusdiyah atau Rusdyiyah Klab, 1298 Hijrah/1880 Masihi, oleh murid-murid beliau di Riau-Lingga.

PENDIDIKAN

Jika kita ikuti perkembangan pada masa kanak-kanak dan remaja Sayid Syeikh al-Hadi, maka kita peroleh data pendidikannya dimulai di Kampung Hulu Melaka, Pulau Penyengat (Riau), Kuala Terengganu, Mekah al-Mukarramah dan Cairo (Mesir). Pendidikan terawal dan asas diperolehnya daripada orang tuanya sendiri, sekali gus memasuki sekolah agama dan Sekolah Melayu Settlements di Melaka. Pendidikan di Penyengat Riau pula adalah pendidikan khusus bersama-sama golongan elit Kerabat Diraja Riau-Lingga kerana Sayid Syeikh al-Hadi sendiri tinggal bersama Raja Ali Kelana, saudara kandung Sultan Abdur Rahman Mu'azzam Syah, iaitu Sultan Riau-Lingga yang terakhir.

Di Penyengat, Riau, selain belajar kepada Raja Ali Kelana, beliau juga belajar kepada Raja Haji Muhammad Tahir bin Marhum Mursyid, Hakim Kerajaan Riau-Lingga, juga kepada Al-'Alim Al-'Allamah Al-Ustaz Tuan Guru Haji Husein. Antara sahabat Sayid Syeikh al-Hadi dalam pengajian tersebut ialah Raja Haji Muhammad Sa'id bin Raja Haji Muhammad Thahir, Raja Ali bin Raja Muhammad/Tengku Nong, dan ramai lagi.

Sayid Syeikh al-Hadi juga dikirim ke pengajian pondok di Terengganu. Setelah menimba ilmu pengajian pondok, tetapi kurang mendalam di Terengganu, Sayid Syeikh al-Hadi berpatah balik ke Penyengat, Riau untuk lebih memantapkan dan memperdalam ilmunya terutama ilmu bahasa Melayu dan bahasa Arab untuk komunikasi kerana Raja Ali Kelana akan membawa Sayid Syeikh al-Hadi berangkat ke Mekah. Selain menunaikan ibadah haji, sekali gus Raja Ali Kelana akan menemui gurunya Syeikh Ahmad al-Fathani untuk membicarakan pelbagai persoalan termasuk politik yang begitu tertekan oleh kaum penjajah.

Dalam tahun 1312 Hijrah/1895 Masihi sewaktu Raja Ali Kelana dibawa oleh gurunya Syeikh Ahmad al-Fathani ke Turki, Sayid Syeikh al-Hadi menemani Raja Ali Kelana, sama-sama berangkat dari pelabuhan Singapura ke Jeddah. Dalam perjalanan itulah Sayid Syeikh al-Hadi tinggal di Mesir dan sempat belajar kepada Syeikh Muhammad Abduh



SAYID SYEIKH AL-HADI

Sayid Syeikh al-Hadi aktif dalam Rusdyiyah Klab yang di-nyatakan sebagai Timbalan di Mekah ketika beliau masih seorang pelajar. Hingga tahun 1896 Masihi, Sayid Syeikh al-Hadi masih memegang jawatan pertubuhan itu di Mekah.

Sayid Syeikh al-Hadi adalah orang kepercayaan Raja Ali Kelana mengurus Syarikat Batam Bricks Works Limited yang bergerak dalam pemprosesan batu-bata di Pulau Batam, Riau. Syarikat itu mempunyai cawangan dan beribu pejabat di Singapura. Apabila kita bercerita tentang Raja Ali Kelana dalam bidang usahawan, ia melibatkan sekurang-kurangnya dua tokoh usahawan Riau-Lingga, iaitu Raja Haji Ahmad bin Raja Haji 'Umar dan Raja Ali bin Raja Muhammad/Tengku Nong. Bererti kedua-dua tokoh ini juga bersahabat karib dengan Sayid Syeikh al-Hadi. Sayid Syeikh al-Hadi telah berkhidmat kepada Raja Ali Kelana dalam perusahaan batu-bata mulai tahun 1325 Hijrah/1907 Masihi hingga berakhirnya syarikat itu pada tahun 1329 Hijrah/1911 Masihi.

Pindah

Raja Ali Keiana pindah ke Johor, lalu dilantik sebagai Syaikhul Islam Kerajaan Johor. Disebabkan Raja Ali Kelana sangat besar pengaruhnya di dalam Kerajaan Johor, ia memberi kesempatan kepada Sayid Syeikh al-Hadi mendapat kedudukan dalam Kerajaan Johor pada tahun 1909 - 1915 Masihi. Sayid Syeikh al-Hadi menjadi peguam di Mahkamah Syariah Johor Bahru.

Dalam bidang pendidikan, pada tahun 1907 Masihi, Sayid Syeikh al-Hadi mengasaskan Madrasah Al-Iqbal di Seligie Road, Singapura. Oleh kerana madrasah itu tidak mendapat sambutan, maka ia dipindahkan ke Penyengat, Riau. Sayid Syeikh al-Hadi mendirikan Madrasah Al-Hadi di Bandar Kaba, Melaka pada tahun 1917 Masihi tetapi hanya bertahan

setahun saja. ia ditutup pada tahun 1918 Masihi. Kemudian ia diteruskan di Pulau Pinang pada tahun 1919 Masihi dengan nama Madrasah al-Masyhur al-Islamiah di Tek Soon Street, Pulau Pinang. Hanya madrasah yang didirikan terakhir inilah perjuangan Sayid Syeikh al-Hadi dalam dunia pendidikan meninggalkan kesan yang tidak dapat dinafikan.

Pada tanggal 22 Julai 1906, Sayid Syeikh al-Hadi bersama Syeikh Muhammad bin Salim al-Kalali, Syeikh Tahir Jalaluddin dan Abbas Taha menerbitkan majalah Islam yang dinamakan Al-Imam. Dalam terbitan-terbitannya dinyatakan pada halaman depan dalam bahasa Melayu, "Al-Imam Majalah Perlajaran Pengetahuan Perkhabarhan". Pada bahagian bawahnya tertulis, "Dikeluarkan di Singapura pada tiap-tiap sehari bulan Arabi oleh mudirnya Asy-Syeikh Muhammad Salim al-Kalali, nombor 19 Wailid Road". Daripada kalimat ini jelas bahawa mudir Al-Imam adalah Syeikh Muhammad bin Salim al-Kalali bukan Sayid Syeikh al-Hadi.

Hairan

Menghairankan, kerana beberapa jilid Al-Imam yang ada pada penulis tidak terdapat nama Sayid Syeikh al-Hadi dalam Bibliografi, sedangkan nama Syeikh Muhammad bin Salim al-Kalali hampir semua terbitan terpampang namanya pada halaman kulit.

Beberapa orang pengkaji menyebut bahawa Al-Imam adalah majalah Melayu-Islam yang pertama dalam bahasa Melayu. Mengenai ini juga tercatat dalam salah satu terbitan Al-Imam. Tetapi dalam buku yang diterbitkan tahun 2002, berjudul Sultan Abd Al-Hamid II Dan Kejatuhan Khilafah Islamiah karangan Dr. Eeman Mohamed Abbas dinyatakan bahawa dalam tahun 1318 Hijrah/1900 Masihi telah wujud majalah-majalah Jajahan Melayu, Lengkongan Bulan dan Cahaya Pulau Pinang. Maklumat ini memberikan pengetahuan baru bagi kita, bahawa majalah-majalah tersebut telah mendahului Al-Imam sekitar enam tahun.

Al-Imam yang mulai terbit tahun 1906 itu tidak bertahan lama, setakat hingga tahun 1908 Masihi. Selanjutnya Sayid Syeikh al-Hadi menerbitkan majalah Al-Ikhwan di Pulau Pinang. Terbitan pertama pada 16 September 1926 Masihi dan berakhir dengan terbitan September 1931 Masihi. Terbit pula Akhbar Saudara mulai 29 September 1928 Masihi. Sayid Syeikh al-Hadi menulis dalam akhbar tersebut hingga Februari 1934 Masihi.

Selain majalah, pengkaryaan Sayid Syeikh al-Hadi dikategorikan kepada tiga kelompok iaitu, a). Mengenai Agama Islam, b). Novel/Sastera, dan c). Penulisan Kewartawanan. Penulisan keislaman ialah


1. At-Tarikhul Islami, cetakan pertama Al-Imam Printing Press, Singapura, 1922.
2. Tafsir Juz Amma, cetakan pertama The Jelutong Press, Pulau Pinang, 1927.
3. Tafsir Al-Fatihah, cetakan pertama The Jelutong Press, Pulau Pinang, 1928.
4. Alam Perempuan, cetakan pertama

- The Jelutong Press, Pulau Pinang, 1930.
5. Kitab Agama Islam dan Akal, cetakan pertama The Jelutong Press, Pulau Pinang, 1931.
 6. Kitab Agama Islam, I'tiqad dan Ibadat, cetakan pertama The Jelutong Press, Pulau Pinang, 1931.
 7. Hadiah Kebangsaan, cetakan pertama The Jelutong Press, Pulau Pinang, 1933.

Penulisan yang bercorak novel/sastera ialah Hikayat Faridah Hanum, cetakan pertama, 1925. Di Penyengat, Riau penulis menemui karangan-karangan Sayid Syeikh al-Hadi yang beliau kirim sebagai hadiah kepada sahabatnya bernama Raja 'Abbas bin Raja 'Abdul Muthallib. Pada halaman pertama terdapat tanda tangan Raja 'Abbas bertarikh 1 Mac 1929. Data hadiah penggarang Sayid Syeikh al-Hadi di antaranya ialah: Angan-Angan Kehidupan/The Moral Trainer. Bilangan Yang Pertama, Bagi Bulan Disember 1927, Tahun Yang Pertama. Penggal Yang Kedua. Tempat Penulisan: 555 Jelutong Road, Penang. Kandungan: Menceritakan kisah percintaan Mahir Afandi dan Iqbal Hanum. Tulisan huruf Melayu/Jawi. Cetakan pertama The Jelutong Press, Penang, 1927.

Angan-Angan Kehidupan/The Moral Trainer. Bilangan Yang Kelima, 25 Februari 1928, Tahun Yang Pertama. Penggal Yang Kedua. Kandungan: Menceritakan kisah anak dara Ghassan atau Hammad dan Hindun. Tulisan huruf Melayu/Jawi. Cetakan pertama The Jelutong Press, Penang, 1928. Dan yang lain-lain penulis tinggalkan sahaja.

Demikianlah tentang Sayid Syeikh al-Hadi pada konteks penyebaran ilmu, ketokohnannya yang mengundang kontroversi yang pernah hangat dibicarakan tentang Kaum Tua dan Kaum Muda penulis tinggalkan sahaja. Ini kerana perkara khilafiyah jika dibicarakan tidak akan ada penghujungnya. Oleh itu sebaik-baiknya tidak dibicarakan kecuali jika tidak dapat dielakkan.



MAJALAH Al-Imam diterbitkan oleh Syeikh al-Hadi di Singapura bersama rakan-rakannya.

Nasionalisme

Agenda Politik Penjajah

Tengkuai - 11/2/2003

•Oleh MAT ZAHARI ALI
Bahagian kedua

LANTARAN itulah kita dapat menyaksikan bagaimana Britian tidak membenarkan parti politik yang condong kepada agama berapapak di sana. Ini disebabkan sebagai sebuah negara penakluk yang menjadi pelupur kepada gerakan sekularisme, ia tidak mahu dijadikan ikutan oleh negara bekas jajahannya.

Inilah juga antara prasyarat yang dikenakan ke atas bekas tanah jajahannya yang ingin mentutu kemerdekaan.

Demikiarlah bagaimana lahirnya Malaysia sebagai sebuah negara bekas jajahan British yang mulanya dikatakan terpaksa mengikuti dasar nasionalisme-sekular. Tetapi apabila pelbagai sistem penjajah ala British terus di amalkan dalam pentadbiran negara, akhirnya ia menjadi sebatia dan terlalu sukar untuk dipulihkan lagi.

Usaha British yang tidak membenarkan Islam berkembang di Malaysia dengan mengenakan pelbagai tekanan dari aspek politik, sosial dan ekonomi memaksa gerakan-gerakan Islam bergerak dalam keadaan serba daif. Sebaliknya lebih ramai cendikawan Melayu yang tebal fahaman nasionalisme-sekular terus dilahirkan dan diberi keutamaan dalam pemerintahan negara.

Mereka diberi tempat untuk melanjutkan pelajaran ke Barat bagi membentuk jambatan yang akan menyambungkan kesinambungan barat di negara ini.

Manakala gerakan-gerakan awal di kalangan orang-orang Melayu untuk melihat Islam berkembang di negara ini hanya diwakili oleh lebai-lebai pondok yang kebanyakannya terdapat di utara dan pantai timur Semenanjung.

Parti Islam Se-malaysia (PAS) dijadikan sebagai landasan perjuangan mereka. Propaganda British yang disemarakkan oleh

orang-orang Melayu sendiri melalui fahaman nasionalisme-sekular terhadap kebangkitan Islam menambahkan lagi bebanan kebangkitan tersebut.

British yang menjajah Malaya ketika itu memang menyedari momentum kebangkitan Islam di kalangan orang-orang Melayu sememangnya ada sebelum wujudnya parti-parti politik di Malaya.

Namun pengalaman British yang menakluki beberapa negara lain di dunia dijadikan rujukan bahawa sentimen perang salib perlu diteruskan kerana mereka menyedari Islam sentiasa berkembang dalam arus yang cukup seni walaupun tidak kelihatan riak gelombangnya. Inilah antara roh Islam yang paling ditakuti musuh Islam sejak zaman berzaman.

Justeru, penjajah British cuba memecahkan kebangkitan Islam tersebut dengan melaga-lagakan orang-orang Melayu dengan sentimen agama. Kemunculan golongan Muda dan golongan Tua berhubung perbezaan kefahaman Islam pada awal tahun 1930 adalah antara gerakan awal musuh Islam ini.

Namun antara dua golongan ini pertentangan pendapat mengenai hal fiqh dalam amalan hidup harian telah menghidupkan kemelut yang membantutkan fikiran orang-orang Melayu ketika itu. Anehnya bagi dua golongan yang bertelagah ini, mereka tidak menggunakan isu kafir mengkafir sebagaimana hari ini sebaliknya ia dianggap sebagai pendokong komunis.

Ini disebabkan keselamatan negara ketika itu terancam akibat gerakan komunis maka British menjadikan isu pertentangan pendapat ini sebagai agen komunis. Apatah lagi ketika itu British menghidupkan propaganda penentangan Komunis di kalangan orang-orang Melayu sebagai pengganas yang tidak menghalkan sebarang agama.

Kemelut antara golongan Muda dan golongan Tua berhubung hal agama menjadi semakin

meruncing pada pertengahan tahun 1930 an. Majalah Police Magazine melaparkan pada 1935 dua golongan ini sering tuduh menuduh antara satu sama lain sebagai agen komunis yang menggugat keselamatan negara.

British menjadi orang tengah serta memaksa orang-orang Melayu supaya tidak memikir atau menghidupkan satu gerakan atau persatuan yang mempunyai kaitan dengan agama. Malahan agama dianggap sebagai agen yang membawa perpecahan. British menarik nafas lega setelah slogan 'hidup Melayu' meniti di bibir orang-orang Melayu selepas itu.

Kejayaan British ini akhirnya membubarkan fahaman nasionalisme di kalangan orang-orang Melayu yang sememangnya ditugaskan oleh penjawat ini.

British menyedari kebangkitan sangat nasionalisme tidak mengugut kedaulatannya sebagai penakuk. Sebaliknya pengalaman silam mengajarnya bahawa hanya Islam sahaja yang akan menghalau dominasinya sebagai negara penjajah dunia.

Malah bagi British kejayaan gerakan nasionalisme dalam sebuah negara bekas jajahan merupakan kejayaan mereka menghidupkan 'generasi penyambung' ala-British di luar negara.

Akhirnya lahirlah apa yang kita saksikan sekarang bagaimana orang-orang Melayu kita yang berironiskan Islam itu menolak sistem perundangan Islam. Golongan ini bukan saja menyempitkan kefahaman Islam malah menolak Islam itu secara total.

Mereka mengaku bawah Al-Quran sebagai petunjuk lengkap yang merangkumi pelbagai jurusan hidup. Apabila Islam hendak diketengahkan maka mereka menyuluh Islam telah dipolitikkan hingga setiap usaha ke arah Islam menjadi fobia yang memihak kepada parti politik Islam (PAS).

Walhal di Barat, parti-parti politik yang mendokong wadah perjuangan agama Kristian telah

lama dinobatkan sebagai penyambong perjuangan rakyat dan kedaulatan negara mereka. Inilah antara agenda kejayaan gerakan musuh Islam paling besar dalam sejarah dunia masa kini.

Kemunculan negara Zionis di Palestin melalui perjanjian Balfour pada 1917 merupakan salah satu dari kejayaan agenda perancangan British dan Amerika. Kemaskuan orang-orang Yahudi dari seluruh pelusuk dunia ke Israel dan dasar zionisme (pemecahan umat Islam dengan perbezaan mazhab-mazhab dalam Islam) yang digunakan telah berjaya menjadikan rantaum negara Islam di Timur Tengah itu kucar kacir.

Ketebalan semangat kepuakan (nasionalisme) dikalangan puak Arab dan perbezaan fahaman Islam mengikut mazhab dijadikan sebagai senjata utuh bagi menambahkan lagi dos kronik untuk memecahbelahkan dunia Arab.

Liga Arab sendiri tidak menjadikan dasar perjuangan Rasulullah sebagai satu pengajaran. Rasulullah tidak pernah memperjuangkan satu-satu hal dalam puak-puak Arab sedangkan baginda adalah dari suku Arab Qurish keturunan bani Mutalib. Sedangkan bangsa Arab merupakan bangsa yang paling ekstrim fahaman kepuakan atau ikatan nasionalismenya.

Rasulullah yang maksum itu sememangnya diilhamkan Allah agar tidak berjuang atas wadah bangsa (nasionalisme) kerana perjuangan bangsa tidak membawa Islam kemana-mana. Perjuangan bangsa tidak bersifat global malah terlalu longgar dan tidak mempunyai daya tahan yang tinggi.

Sejarah juga membuktikan tidak terdapat satu kuasa nasionalisme yang mampu bertahan selama beberapa abad. Melainkan ia akan dimusuhi oleh kuasa nasionalisme lain. Akhirnya dua golongan ini akan berperang. Lantaran itulah setelah bertapak lebih 40 tahun di Malaysia, Umno mengalami pelbagai masalah

perpecahan demi perpecahan yang kian mengundang kehancuran.

Bukan pula perkara yang memelikkan apabila hampir setiap hari PM, Dato' Seri Dr Mahathir Mohamad dan pemimpin-pimpinan Umno sering melaungkan ancaman penjajahan oleh kuasa asing. Lantaran Umno sebuah perjuangan nasionalisme-sekular yang sememangnya mempunyai tabiat yang terdedah dan mudah mendapat musuh. Ini disebabkan ia merupakan gerakan dari kumpulan kecil manusia tetapi mempunyai nafsu besar.

Inilah antara ciri utama yang membezakan antara perjuangan nasionalisme dengan perjuangan Islam. Islam bersifat global maka ia lebih kuat dan mempunyai daya tahan yang tinggi kerana ia dianuti oleh perbagai kaum dan bangsa. Setiap kaum dan bangsa itu pula mempunyai kekuatan dan kelebihannya maka kombinasi dari pelbagai variasi bangsa inilah menjadikan Islam lebih dinamik dan flaksibel.

Apa yang paling ketara kualiti masyarakat Islam sentiasa bertambah disebabkan adanya usaha dakwah yang sentiasa berkembang. Ini berbeza dengan kuantiti pejuang nasionalis yang hanya bertambah dari genetik yang sama dalam kumpulan mereka. Maka kekuatan Islam itu sentiasa bertambah dari pelbagai hala.

Dari sudut kualiti pula, perjuangan Islam paling menonjol. Tentera Islam hanya terdiri dari 30 000 kekuatan berjaya menakluki kota Konstantinoplis yang mempunyai kekuatan bala tentera melebihi setengah juta. Tentera Islam berjumlah hanya 313 orang berjaya mengalahkan 1000 golongan kafir Makkah dalam perperangan Badar.

Ini membuktikan perjuang berani mati dan cintakan syahid menjadi teras kepada kualiti tentera Islam. Selain itu perjuangan ke arah mendaulatkan Islam itu merupakan perintis ke arah jalan keredaan Allah.

(BERSAMBUNG)

Nasionalisme Melayu

UTUSAN MALAYSIA - 7/8/2000

Oleh MAKMOR TUMIN

APABILA kita membicarakan mengenai nasionalisme Melayu, apa yang kita maksudkan ialah semangat kebersamaan atau kekitaan umat Melayu yang berdasarkan ikatan primodial (agama, budaya, sejarah, tradisi, wilayah dan seumpamanya).

Dan persamaan-persamaan yang boleh dibentuk atau diraih (persepsi yang sama terhadap kegemilangan bangsa Melayu masa silam, kesediaan menghadapi cabaran semasa dan persamaan misi umat Melayu masa hadapan). Ini bermaksud, semangat yang ingin digelorakan itu bukan sahaja berdasarkan kepada persamaan semula jadi tetapi juga persamaan yang boleh diadun melalui proses sosialisasi.

Secara semula jadi, orang Melayu pada keseluruhaninya sememangnya lah mempunyai persamaan ikatan primodial tetapi tidak semua mempunyai persepsi yang sama terhadap masa silam dan masa hadapan.

Dari satu segi, persepsi yang berbeza terhadap sesuatu isu sememangnya perkara biasa dan ada kalanya menguntungkan, bak "kayu bersilang, maka api dapat dinyalakan." Dari satu segi yang lain, dikhuatiri pula persepsi yang berbeza itu dijadikan alasan untuk menghunus pihak lain, sehingga menimbulkan perasaan taksub bahawa diri sendiri sahaja yang benar dan orang lain silap semuanya.

Justeru, memiliki persepsi yang berbeza, umat Melayu nam-paknya lebih banyak membazirkan tenaga bagi mempamerkan imej-imej "Siapa lebih Melayu daripada Melayu lain" atau "Melayu mana lebih Islam daripada Melayu yang lain."

Ini diberatkan lagi apabila rata-rata umat Melayu tidak lagi mempunyai persepsi yang berakarkan nasionalisme Melayu justeru dipengaruhi oleh pelbagai fahaman lain, khususnya pijakan faham liberalism, individualisme dan materialisme.

Mengancam

Memudik semula sejarah nasionalisme Melayu sekitar penghujung abad ke-19 dan awal abad ke-20 yang lalu, orang Melayu mula merasai kedaifan dan kemundurannya di pelbagai bidang, khususnya ekonomi dan pendidikan. Menyedari bahawa kemunduran tersebut akan mengancam kewujudan bangsa Melayu, para ideologis, intelektual Melayu, berserta pentolan-pentolan yang lain mula mencetuskan gagasan-gagasan dan idea-idea bagi menuip semangat membangunkan bangsa Melayu. Berangkat dari sinilah mulanya terbentuk gagasan-gagasan nasionalisme Melayu, iaitu apabila adanya pemikir dan pengelora semangat kemelayuan yang meniupkan kesedaran tentang malapetaka yang dihadapi akibat membiarkan kelemahan dan kemunduran sesuatu bangsa.

tersebut. Pada ketika itu, semangat kebersamaan Melayu terus kental digelorakan oleh para nasionalis Melayu tanpa mengira latar belakang persepsi dan ideologi yang dianut, walaupun masing-masing berbeza dari segi tonggak-tonggak Melayu yang diwakili.

Sekali lagi kita dapat semangat nasionalisme Melayu mencapai satu lagi titik kemuncak pada tahun 1969. Pada kali ini, keadaannya agak lebih ganas justeru merasakan keterancaman yang tidak terhingga perit dahsyatnya. Umat Melayu kecinciran jauh berbatu dalam hampir semua aspek kehidupan seperti sosial, pendidikan, kesihatan dan terutamanya ekonomi itu sendiri. Etnik Tionghua pula pada ketika itu bangga dengan kuasa monopoli ekonominya tanpa segan silu menonjol-nonjolkan citra kecinaannya.

Seperti yang kita ketahui, monopoli tersebut telah memberikan dampak yang amat daif terhadap ekonomi umat Melayu. Akhirnya, umat Melayu bersedia merapatkan barisan dan merobohkan sempadan persepsi untuk bangun menongkah arus demi mewujudkan perpaduan Melayu bagi merumuskan sebuah dasar yang pro-Melayu, iaitu Dasar Ekonomi Melayu (DEB). Parti-parti politik Melayu yang dominan bergabung dalam Barisan Nasional (BN) bagi memastikan kekuatan Melayu, seterusnya memperkasa kuasa tawar-menawar dalam formulasi sebarang bentuk polisi, sama ada yang menyangkut soal ekonomi itu sendiri, mahupun soal-soal lain seperti pendidikan, kebudayaan, mahupun politik.

Namun begitu, semenjak DEB dilancar serta konsep "nasionalisme Malaysia" diwartakan, sebahagian besar umat Melayu sudah mula lupa akan peri penting menggeleorakan semangat nasionalisme Melayu.

Bukankah kerana semangat nasionalisme Melayu itulah Malayan Union terpaksa dibubarkan dan akhirnya kemerdekaan diperoleh? Tidakkah berkat semangat nasionalisme Melayu itulah juga masalah kecinciran umat Melayu di pelbagai bidang seperti pendidikan dan ekonomi berjaya dipulihkan secara beransur-arsur melalui DEB tersebut? Kita bukanlah menghendaki orang Melayu terlalu fanatik dengan nasionalisme politiknya sehingga menjejaskan keharmoniaj kaum-kaum lain dalam negara.

Apa yang kita mahukan ialah supaya orang Melayu sedar betapa bangsanya masih benda dalam keadaan kebercampaan, lebih-lebih lagi apabila sempadan dunia terbuka luas melalui proses globalisasi dan liberalisasi kini.

GLOBALISASI HIDUPKAN SEMULA SEMANGAT NASIONALISME

UTUSAN MALAYSIA - 25/8/2002

Penulis
Tamu

DR. HASSAN AHMAD



ORANG yang percaya bahawa globalisasi akan menghapuskan kesedaran etnik atau bangsa atau mengurangkan semangat nasionalisme, eloklah berfikir semula tentang kepercayaan mereka itu.

Jikalau selepas Perang Dunia Kedua dahulu (perang yang kedua kali dicetuskan oleh bangsa Eropah/Barat) peraturan manusia sejagat diperkenalkan berdasarkan konsep kerjasama antarabangsa dan prinsip kedaulatan negara-bangsa, dalam zaman globalisasi ini gagasan dan amalan kerjasama antarabangsa dan prinsip kedaulatan negara itu terpaksa menurut peraturan baru yang ditentukan berdasarkan kehendak dan kepentingan ekonomi pasaran yang ditentukan dan dikuasai oleh blok kuasa ekonomi dunia.

Kalau dalam zaman 'Perang Dingin' dahulu, perhubungan antarabangsa ditentukan atau dicorak menurut rentak dan gelagat dua blok kuasa dunia, iaitu blok kapitalis-demokrasi-liberal yang dibikin atau *dimanufacture* di Barat, dan blok komunis-sosialis yang dibikin di Eropah Timur (dengan Kesatuan Soviet sebagai *godfathernya*), kini permusuhan ideologi yang terbesar itu sudah tamat atau 'ditamatkan' (melalui pakatan sulit, mana kita tahu!) dan gantinya ialah peraturan baru yang ditentukan sepenuhnya menurut 'perjalanan' atau 'kuasa' ekonomi pasaran, atau menurut istilah Adam Smith, melalui *the invisible hand* atau kuasa yang tidak kelihatan.

Ini bukan peraturan baru sebenarnya. Ia sudah bermula sejak abad ke-18 atau awal abad ke-19 di England melalui revolusi perindustrian, dan seterusnya di Eropah dan kemudiannya merebak ke kawasan di luar Eropah, misalnya ke Kawasan dunia Melayu Islam di Tanah Melayu (ini termasuk Pulau Pinang dan Singapura yang oleh orang Inggeris diubah namanya menjadi 'Negeri-Negeri Selat') dan di Indonesia, secara paksa, yakni melalui kuasa politik dan kuasa tentera, pendek kata melalui penjajahan ekonomi dan politik, tidak melalui kerjasama berdasarkan prinsip kedaulatan. Ingat bahawa dunia Melayu dijajah melalui Syarikat East India British dan Belanda.

Sekarang peraturan ini berlaku melalui proses yang secara ghairah disebut proses globalisasi. Proses ini dianggap baik untuk manusia sejagat.

Siapa yang berkata demikian? Yang berkata demikian tidak lain tidak bukan ialah bangsa yang mewarisi kuasa dunia yang dicapai melalui penjajahan politik, ekonomi dan tentera itu.

Jikalau bangsa lain, termasuk bangsa yang miskin dan tidak maju ekonomi dan teknologi, juga percaya bahawa

Mereka barangkali tidak nampak wajah penjajahan baru di balik proses globalisasi itu. Mereka baru nampak apabila negeri mereka, entah kerana apa, diserang oleh kuasa besar tentera asing, atau dipaksa menurut peraturan demokrasi yang ditentukan di Washington atau di London

proses ini baik untuk seluruh manusia di mana pun mereka berada, sama ada di Timbaktu, di Congo, di Somalia, atau di Afghanistan, mereka cuma meniru cakap bangsa yang maju dan berkuasa itu.

Mereka barangkali tidak nampak wajah penjajahan baru di balik proses globalisasi itu. Mereka baru nampak apabila negeri mereka, entah kerana apa, diserang oleh kuasa besar tentera asing, atau dipaksa menurut peraturan demokrasi yang ditentukan di Washington atau di London, atau menurut fatwa ekonomi pasaran dan perdagangan bebas yang dikawal dan dipantau oleh pertubuhan pasca-Perang Dunia yang mereka cipta. seperti Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF).

Dan, percaya atau tidak, hanya bangsa atau negara yang tetap kuat dengan semangat atau kesedaran kebangsaannya atau jati dirinya sahaja yang akan dapat menggunakan globalisasi yang sedang berlaku sekarang untuk faedah dan kepentingan bangsa dan negara sendiri. Mereka lah yang akan mampu mempertahankan dirinya daripada menjadikan mangsa proses itu.

Dasar luar Amerika tetap dibina berdasarkan *matlamat* dan semangat bangsa Amerika untuk menjadi kuasa ekonomi, teknologi, dan tentera yang terkuat di dunia, bukan untuk kepentingan bangsa lain.

Bangsa lain hanya menumpang lebihan atau limpahan ekonomi mereka yang mengalir keluar melalui jalan penanaman modal asing di negara lain atau melalui syarikat transnasional yang beroperasi di negara lain yang sanggup memerlukan modal mereka.

Melalui cara ini pula kuasa ekonomi dunia itu berpeluang mendekatkan dirinya dengan kuasa-kuasa tempatan untuk mempengaruhi dasar ekonomi, dasar politik, bahkan dasar budaya dan pendidikan negara yang menumpang kekayaan mereka itu.

Dasar Kesatuan Eropah juga bersifat nasionalisti

Perihal semangat patriotisme dan sambutan bulan kemerdekaan

JIKA ditanya setebal manakah semangat patriotisme kita sebagai rakyat Malaysia, pasti kita akan menjenggil kepada orang yang bertanya itu, kalau pun tidak bertaunya balik apakah maksudnya.

Seperti juga perkara peribadi lain, tiada ramai yang suka apabila semangat patriotisme mereka dipersoalkan. Bagaimanapun, secara jujur, apakah semangat patriotisme kita sebagai rakyat Malaysia, terutama yang lahir selepas merdeka, setanding dengan warga negara lain, Indonesia sebagai contoh.

Sang Lamri timbulkan soal ini kerana seperti beberapa tahun sebelum ini, kira-kira tiga bulan lagi kita akan menyambut Hari Kemerdekaan Ke-48 dan kerajaan melalui Kementerian Penerangan sekali lagi menganjurkan Bulan Kemerdekaan Peringkat Kebangsaan dan Kempen Mengibar Jalur Gemilang bermula 17 Ogos sehingga 16 September.

Seperti biasa dalam tempoh itu, pejabat akhbar dan stesen televisyen akan dihujani pelbagai permintaan untuk membuat liputan daripada hotel, kompleks beli-belah, syarikat swasta, sekolah, jabatan kerajaan dan pelbagai pertubu-

han – semuanya atas nama sambutan kemerdekaan.

Sementara kita menghormati kegairahan mereka untuk sama-sama merayakan ulang tahun kemerdekaan negara, semangat patriotisme tentunya bukan terbatas sekadar mengibar jalur gemilang, membuat kek terpanjang atau slogan terindah.

Seperti juga tahap keimanan, semangat patriotisme sebenar seharusnya sentiasa berada dalam diri dan hanya akan terjuji apabila kita menghadapi cabaran. Ia harus sentiasa dimanifestasikan dalam setiap tindakan sama ada kita seorang pelajar, guru, pegawai kerajaan, pekerja swasta, peniaga, pengurus, ahli sukan, penyanyi, pelakon atau politikus.

Semangat sebenar patriotisme bukan hanya berani mengangkat senjata untuk mempertahankan tanah air ketika perang. Kesediaan remaja menyertai Program Latihan Khidmat Negara atau tindakan pelajar membayar balik pinjaman Tabung Pendidikan Nasional tanpa perlu dipaksa juga mencerminkan tahap patriotisme mereka.

**BERITA MINGGU
AHAD - 29 MEI 2005.**



Begitu juga kesungguhan ahli sukan yang mewakili negara untuk menang tanpa mengambil kira ganjaran yang bakal diperoleh atau keikhlasan ahli politik menyuarakan suara rakyat dengan mengetepikan kepentingan diri atau masa depan politik mereka.

Bagi memupuk semangat seumpama itu, ia tidak cukup hanya sekadar sebulan perayaan setiap tahun tetapi bermula di peringkat kanak-kanak dan disemai sehingga keluar universiti, terutama melalui subjek sejarah.

Bagi memastikan subjek ini mampu menanam semangat patriotisme di kalangan pelajar, kaedah pengajarannya tentulah perlu dikaji semula supaya ia bukan saja menarik tetapi tidak lagi berorientasi-kan peperiksaan.

Sang Lamri percaya, jika generasi hari ini mempunyai tahap semangat patriotisme yang tinggi, kempen mengibar Jalur Gemilang tidak perlu dilakukan seperti sekarang. Menteri Penerangan, Datuk Seri Abdul Kadir Sheikh Fadzil tidak perlu lagi

sabun tahun merayu kepada syarikat-syarikat korporat untuk menyediakan jalur gemilang, menaja acara tertentu sempena sambutan kemerdekaan, mencantikkan bangunan atau menyalakan lampu pada bangunan mereka.

Beliau juga tentu tidak perlu melancarkan kempen memartabatkan lagu kebangsaan 'Negaraku' secara besar-besaran bagi memupuk rasa cinta terhadap lagu itu.

Sebaliknya semua perkara itu seharusnya dilakukan mereka secara sukarela semata-mata kerana rasa cintakan negara dan sebagai balasan kepada kesejahteraan yang dinikmati kesan pengorbanan nenek moyang yang memperjuangkan kemerdekaan dulu.

Dalam hal ini, cara rakyat Amerika Syarikat menyambut '4th of July' mungkin boleh dijadikan contoh. Tanpa mengira perbezaan politik, warna kulit dan agama, malah tajaan kerajaan, rakyat negara itu dengan cara masing-masing menjadikan sambutan itu sebagai perayaan istimewa mereka.

**BERITA MINGGU
AHAD - 29 MEI 2005.**

Kentalnya Patriotisme : Bersabung Nyawa Menentang Komunis

UTUSAN MALAYSIA : 31/8/2004.

Oleh HAMDEN RAMLI



KE M E R D E K A A N membawa seribu satu makna kepada setiap insan. Ada yang menyifatkan ia sebagai berakhirnya episod penjajahan dan penghinaan kepada bangsa.

Ada juga yang menyifatkan sebagai saat pembebasan kepada apa yang telah membelenggu kehidupan mereka sebelum ini.

Bagi mereka yang cetek semangat dan pengetahuan, kemerdekaan hanyalah satu hari bercuti dan berehat, sama seperti hari cuti lain.

Itu antara makna yang diketahui umum tentang kemerdekaan.

Namun bagi mereka yang terlibat secara langsung dalam memastikan saat yang diraikan itu menjadi kenyataan, kemerdekaan bukan sekadar kebebasan semata-mata.

Makna yang tersirat di sebalik kemerdekaan itu terlalu besar dan bermakna. Kemerdekaan bagi mereka adalah satu pengorbanan dan maruah bangsa. Kerana merdeka, nyawa sanggup dipertaruhkan. Kerana merdeka keluarga dari harta sanggup ditinggalkan.

Oleh itu, tidak meng-



S. RAJAGOPAL



KAMARUDDIN MOHD. JAMAL

hairankan bagi mereka yang menyaksikan keperitan memperjuangkan kemerdekaan, makna hari keramat itu cukup besar dan bermakna buat mereka.

Bagi bekas anggota tentera, **Lans Koperal Mohd. Isman Jumingan**, 55, Hari Kemerdekaan akan mengingatkan beliau kepada satu peristiwa yang hampir meragut nyawanya.

Peristiwa yang berlaku pada 27 Julai 1969 di sebuah kawasan berhampiran Sungai Badak dalam wilayah Sintok, meninggalkan kesan mendalam kepadanya.

Peristiwa

"Selagi parut di perut ini masih kelihatan, selagi itulah keperitan dalam memerdekakan tanah air daripada ancaman pengganas komunis tidak akan luput dari ingatan," tegasnya ketika ditemui di kediamannya di Padang Balang, Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Beliau mempunyai alasan tersendiri untuk berasa marah dan geram terhadap insiden itu.

Selain dirinya cedera, beliau juga kehilangan enam rakan sepasukan yang gugur ketika dalam gerang

hendap itu.

Menyorot kembali peristiwa itu, Mohd. Isman berkata, kejadian berlaku semasa beliau berkhidmat dengan Batalion Ke-4, Rejimen Askar Melayu Diraja (4 RAMD).

Beliau bersama tujuh anggota yang diketuai oleh Koperal Ahmad Hussain (Allahyarham) dari Kompeni A ditugaskan membuat rondan menjejaki pengganas komunis di kawasan lombong bijih Sungai Badak, Sintok, Kedah.

"Kami yang bertugas di Bukit Kayu Hitam ketika itu telah diarah menyusuri gerak pengganas pada kira-kira pukul 7 pagi di hutan Sintok selepas mendapat laporan seorang wanita Cina mati dibunuh," kata Mohd. Isman.

Kira-kira pukul 2 petang, pasukan itu bergerak kembali ke markas sementara yang terletak tidak jauh dari perkampungan Sungai Badak.

Merasai ada sesuatu yang tidak kena, ketua platun, Ahmad Husin mengarahkan mereka bergerak dalam posisi berjaga-jaga dan menjarakkan kedudukan di antara satu sama lain.

Setibanya di jambatan yang merintangi Sungai Badak, suasana

menjadi senyap secara tiba-tiba.

Sebaik dua anggota (Allahyarham Prebet Khalid dan Mohd. Isman) melintasi jambatan itu, satu das tembakan kedengaran memecah kedamaian petang itu.

Ia kemudiannya disusuli tembakan bertalu-talu dari arah depan dan belakang tebing bukit termasuk di seberang sungai.

Menurut Mohd. Isman, tembakan pertama mengena Khalid.

"Saya melihat Khalid jatuh sambil cuba membalias tembakan. Pada masa sama kami juga cuba membalias tembakan itu. Tetapi tembakan dari atas bukit itu terlalu banyak dan semuanya berlaku dengan pantas," ceritanya.

Menurut Mohd. Isman, tidak lama selepas melihat Khalid jatuh, satu das tembakan terasa menembusi perut sebelah kirinya.

Terbujur

"Terasa pedih yang amat sekali. Tembakan itu juga menyebabkan saya terpelanting ke belakang. Oleh kerana saya berada di tepi tebing sungai maka saya terus terjatuh dalam sungai.

"Selepas itu saya tidak nampak apa yang berlaku di atas jambatan. Saya berselindung di tebing sungai sepanjang malam sebelum keluar pada keesokan paginya.

"Apabila saya keluar dan merangkak naik semula ke atas tebing saya melihat empat mayat terbujur atas jalan.

"Dua rakan lain yang masih hidup cuba untuk mengalihkan mayat tersebut namun sebaik sahaja mayat itu diangkat satu letupan kuat berlaku sehingga mengorbankan kedua-duanya," cerita Mohd. Isman lagi.

Pasukan bantuan sampai pada pukul 12 tengah hari dan Mohd. Isman kemudiannya dibawa ke Hospital Kepala Batas untuk mendapatkan rawatan lanjut.

Beliau kembali ke Kem Majidee, Johor Bahru apabila unit 4 RAMD yang ditugaskan di utara Semenanjung Marah kembali ke markas pusat batalion berkenaan di Johor.

**"Selagi parut
di perut ini masih
kehilangan, selagi
itulah keperitan
dalam
memerdekaan
tanah air daripada
ancaman
pengganas komunis
tidak akan luput
dari ingatan"**

Perasaan Mohd. Isman bertambah terharu apabila beliau berkesempatan melawat semula ke Sungai Badak baru-baru ini, tempat beliau dan rakannya diserang hendak oleh pengganas komunis.

Lawatan itu dianjurkan sempena sambutan Patriotik Universiti Utara Malaysia.

Sementara itu seorang lagi bekas anggota tentera, Pegawai Waran II, S. Rajagopal mempunyai pengalaman tersendiri dalam menyahut seruan menentang ancaman pengganas komunis.

Beliau tidak dapat menyembunyikan kesedihannya apabila kehilangan beberapa rakan dalam pasukan Batalion Kelapan Rejimen Renjer Diraja 8.

Ini termasuklah dua sahabat karib yang bertindak sebagai 'buddy' beliau dalam operasi itu.

"Kematian berpuluhan-puluhan pengganas komunis hanya perkara 'kecil' jika dibandingkan dengan kehilangan walaupun seorang anggota tentera," ujarnya.

Mejar (B) Kamaruddin Mohd. Jamal pula pernah menyaksikan seorang anggota menghembus nafas terakhir ketika dalam pangkuannya.

Kejadian di hutan Pradin, Pontian, Johor itu berlaku selepas platun yang diketuai Kamaruddin diserang hendak Tentara Nasional Indonesia (TNI) ketika mereka di Indonesia-Malaysia pada tahun 1964-1966.

Laungan Merdeka Diiringi Air Mata

(UTUSAN MALAYSIA : 31/8/2004)



BORHAN MD. YAMAN

Oleh MUHD. NIZAM ABD. HAMID

LAUNGAN kemerdekaan di Padang Pahlawan dan kesediaan rakyat melucutkan barang kemas di badan serta menaburkan wang ringgit mereka bagi menampung perbelanjaan Tunku Abdul Rahman ke London dalam misi mendapatkan kemerdekaan negara masih terngiang-ngiang di ingatan seorang guru Sekolah Melayu di Melaka.

Guru berkenaan, Datuk Wira **Borhan Md. Yaman** yang kini berusia 75 tahun berkata, peristiwa kaum ibu melucutkan barang kemas yang mereka pakai dan ramai lagi yang menaburkan wang di atas hamparan bendera UMNO di Dewan Meng Seng di bandar Melaka pada tahun 1954 begitu menyayatkan hati beliau.

Katanya, semua itu dilakukan kerana rakyat mahukan kemerdekaan dan kepada pemimpin mereka iaitu Tunku Abdul Rahman Putra, mereka bergantung harap agar mesej tersebut dibawa ke London.

"Peristiwa itu berlaku ketika Tunku Abdul Rahman datang ke Melaka untuk menghadiri mesyuarat tergempar UMNO Malaya bagi memaklumkan kegagalan rundingannya dengan Inggeris bagi mendapatkan persetujuan agar diadakan pilihan raya pada tahun 1955," katanya ketika ditemui di kediamannya di Kelebang, Melaka baru-baru ini.

Menurutnya, pilihan raya itu perlu diadakan bagi menunjukkan kepada Inggeris bahawa rakyat negara ini mampu mentadbir sendiri negara mereka dan Tunku Abdul Rahman memerlukan mandat daripada rakyat untuk menyatakan pendirian itu kepada Inggeris.

Tambahnya, Tunku Abdul Rahman juga memberitahu ketika berada di London sebelum itu, beliau dan rakan-rakan seperjuangan tidak mendapat layanan yang sewajarnya daripada Inggeris.

Bagaimanapun Tunku Abdul Rahman dan pemimpin UMNO lain tetap bertekad untuk mendapatkan persetujuan Inggeris bagi mengadakan pilihan raya kerana hanya dengan cara itu tuntutan kemerdekaan dapat diperkuahkan lagi, ujarnya.

Bekas Perdana Menteri Malaysia yang pertama itu juga menyatakan bahawa mereka amat memerlukan bantuan daripada seluruh rakyat kerana mereka juga kekurangan wang untuk pergi ke London bagi berbincang dengan Inggeris tentang penubuhan kerajaan sendiri.

"Jika seseorang pemimpin itu bercakap dengan hati yang ikhlas, ia akan disambut dengan hati juga," katanya bagi menggambarkan keinsafan rakyat terhadap keikhlasan perjuangan pemimpin mereka ketika itu.

Katanya, terdapat kira-kira 300 orang di dalam Dewan Meng Seng termasuk para pemimpin UMNO negeri-negeri lain serta orang ramai yang memerhati dari tingkat dua

**"Usaha
membangkitkan
semangat orang
Melayu di
Melaka agar
berjuang
menuntut
kemerdekaan
bukanlah
mudah kerana
kebanyakannya
mereka masih
mempunyai rasa
rendah diri yang
menebal ekoran
negeri mereka
yang pernah
dijajah lebih
empat abad"**

dewan tersebut dan apabila mendengar ucapan Tunku Abdul Rahman, rata-ratanya berasa sedih dan terhina kerana pemimpin mereka tidak mendapat layanan daripada Inggeris.

Ketika itu juga katanya, secara spontan bendera UMNO telah dihamparkan di tengah-tengah dewan dan orang ramai mula menaburkan wang dan sesetengahnya pula melucutkan barang kemas mereka untuk membantu menampung perjalanan Tunku Abdul Rahman ke London dalam misinya mendapatkan pilihan raya dan seterusnya memperjuangkan kemerdekaan negara.

Borhan yang ketika itu menjadi Penolong Setiausaha Pemuda UMNO Negeri Melaka berkata, usaha mengumpulkan dana bagi membantu misi kemerdekaan terus berjalan melalui ‘Derma Merdeka’ yang dilakukan di seluruh pelosok negeri.

Menurutnya, beliau dan rakan-rakan menjalankan kutipan derma dan menjual barang-barang apabila berlangsungnya majlis keramaian termasuk pada pertunjukan bangsawan.

“Derma Merdeka mendapat sokongan rakyat. Orang kampung dan yang miskin juga menderma dengan memberi padi, buah pisang, buah-buahan, pakaian dan ada penoreh getah yang memberi sekeping daripada empat keping getah mereka pada setiap hari untuk dijual bagi mengisi tabung itu,” katanya.

Borhan memberitahu, semangat mahukan merdeka begitu membuaik-buak di kalangan orang Melayu bagaimanapun perjalannya amat sukar kerana mereka hidup dalam serba kekurangan dan dicengkam kemiskinan serta menerima tekanan daripada penjajah.

“Usaha membangkitkan semangat orang Melayu di Melaka agar berjuang menuntut kemerdekaan juga bukanlah mudah kerana kebanyakannya mereka masih mempunyai rasa rendah diri yang menebal ekoran negeri mereka yang pernah dijahah lebih empat abad,” katanya.

Beliau memberitahu, usaha berterusan pemimpin Melayu telah berjaya membuka fikiran orang ramai ketika itu tentang erti kemerdekaan dan perlunya mereka bebas daripada penjajahan.

Katanya, kemerdekaan India, Filipina dan Indonesia sering dijadikan contoh dalam membakar semangat kemerdekaan di kalangan orang Melayu agar mereka bersama-sama bangun menuntut kemerdekaan.

Tunku Abdul Rahman akhirnya berjaya juga mendapatkan persetujuan Inggeris untuk mengadakan pilihan raya pada 27 Julai 1955 dan hasilnya parti Perikatan pimpinan beliau menang 51 daripada 52 kerusi yang dipertandingkan.

Kemenangan itu membolehkan Tunku Abdul Rahman dan para pemimpin yang lain memperjuangkan pu’u kemerdekaan negara

secara lebih tersusun dan melalui ‘Rombongan Kemerdekaan’ yang berunding dengan Inggeris pada Januari 1956, kemerdekaan tercapai juga akhirnya.

Sekembali dari London, Rombongan Kemerdekaan yang diketuai oleh Tunku Abdul Rahman telah singgah di Melaka pada 20 Februari 1956 untuk menyatakan bahawa Inggeris bersetuju untuk memberi kemerdekaan kepada Tanah Melayu.

“Kira-kira 100,000 orang dari seluruh negara termasuk yang datang dari Singapura berkumpul di Padang Pahlawan untuk mendengar perisytiharan kemerdekaan daripada Tunku Abdul Rahman,” katanya yang ketika itu menjadi Ahli Jawatankuasa UMNO Negeri dan terlibat dalam menyambut Rombongan Kemerdekaan itu.

Sebaik sahaja mendengar perisytiharan daripada Tunku Abdul Rahman itu, rakyat menangis dan menyorak kegembiraan sambil melaungkan jeritan merdeka.

Beliau memberitahu, Tunku Abdul Rahman sering kali memilih Melaka untuk mengadakan acara-acara yang besar kerana Melaka dikaitkan dengan kegemilangan bangsa Melayu dan juga kepahlawanan Hang Tuah dan rakan-rakannya.

“Mereka mahukan acara-acara bersejarah dilakukan di tempat jatuhnya zaman kegemilangan Melayu agar empayar Melayu dapat dibangunkan semula.” katanya.

PLKN : Merintis Jati Diri Generasi Berwawasan

UTUSAN MALAYSIA - 31/8/2004

RY MOHAMAD

berbicara tentang hari ke-1 pastinya penghayatan ri kemerdekaan akan persoalan. mana ia dihayati bergantung individu itu sendiri. ang lahir sebelum merdeka, ya sambutan hari kebangsaan iap tahun membawa erti besar kepada mereka. jai pahit getir terpaksa jadi demi membebaskan negara ibelenggu penjajah. itu, nyawa sendiri sanggup taruhan. yang merasai saannya sahaja yang pasti elupakan detik-detik ketika 'merdeka' dilauangkan buat kali. yang lahir selepas merdeka, erti kemerdekaan kepada lebih bermakna sekiranya

dapat mengibarkan Jalur Gemilang pada kereta dan premis atau bangun dari tidur pada awal pagi untuk menyaksikan perarakan.

"Zaman pejuang merdeka dengan zaman anak merdeka berbeza.

"Mereka yang derita akan ingat, mereka yang menikmati kesenangan mungkin lupa kepada perjuangan generasi terdahulu," kata Pengurus Majlis Latihan Khidmat Negara, Datuk Dr. Ahmad Fawzi Mohd. Basri kepada *Utusan Malaysia* baru-baru ini.

Baginya, generasi sekarang seharusnya bersyukur dengan nikmat yang mereka kecapai.

Mereka perlu menghargai segala pengorbanan generasi sebelumnya yang pernah berjuang untuk memerdekakan diri dan negara.

Generasi muda tidak boleh terus leka dengan kesenangan yang ada di depan mata.

Justeru, semangat patriotisme dan penghayatan kepada hari

kemerdekaan dalam erti kata sebenarnya perlu terus disemai pada diri setiap anak muda.

Generasi sekarang perlu mempertahankan kemerdekaan dan mengekalkan kemakmuran yang dinikmati.

Untuk itu, Ahmad Fawzi yakin Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) yang mula diperkenalkan pada tahun ini mampu menjadi wadah untuk membina dan mengukuhkan semangat patriotisme di kalangan remaja.

Modul Kenegaraan yang menjadi salah satu modul utama PLKN diyakini dapat meningkatkan perasaan cinta serta pengorbanan kepada negara.

Para peserta PLKN juga berupaya memperluaskan pengetahuan tentang kenegaraan melalui elemen-elemen tanah air, rakyat, kerajaan dan kedaulatan yang menjadi teras pembelajaran modul berkenaan.

Melalui elemen tanah air, mereka akan dibantu untuk membina serta



Tun Razak (tengah) bersama peserta PLKN meraikan kejayaan tamat latihan selama tiga bulan.

memupuk rasa sayang kepada tanah air dan rela mempertahankannya.

Peserta akan membincangkan tentang beberapa aspek antaranya geografi, keindahan bumi, hasilnya dan sempadan.

Elemen rakyat pula membawa peserta PLKN mengetahui asal-usul pelbagai ras, etnik, membina rasa sayang antara satu sama lain dan memahami kepentingan bersatu-padu.

Sementara elemen kerajaan membantu mereka memahami bagaimana negara ditadbir serta diurus melalui sistem pentadbiran, undang-undang dan perlembagaan.

Para peserta seterusnya belajar memahami kepentingan dan cara untuk mempertahankan kebebasan negara melalui elemen kedaulatan.

Jika diteliti, mungkin apa yang cuba diserapkan itu sebenarnya sudah diberi penekanan semasa di sekolah atau institusi pengajian tinggi.

Memang benar tetapi pendekatannya

agak berbeza.

Di sekolah mereka belajar untuk lulus peperiksaan tetapi di kem-kem PLKN, ia lebih menumpu kepada penghayatan di mana peserta boleh berinteraksi dengan fasilitator, berosal jawab, berbincang sehingga memahami konsepnya.

Selama ini, mereka tidak berpeluang memikirkan semua itu, sekadar boleh menjawab mengenainya.

Bagaimanapun, menerusi PLKN, mereka akan lebih tahu kerana adanya interaksi.

“Memperkasakan patriotisme di kalangan remaja menjadi matlamat PLKN.

“PLKN adalah sebahagian cara untuk membentuk generasi muda yang menghargai erti kemerdekaan sehingga sanggup berkorban demi mempertahankannya.

“Mereka akan menemui jawapan di sana kenapa setiap daripada kita perlu mempertahankan negara,” jelas beliau.



AHMAD FAWZI MOHD. BASRI

Patriotisme dari

Sungai Melayu

PN M'SIA
1/2002

Penulis Tamu

ZAINI MOHD. SAID



R

AMADAN kali ini membawa bersamanya banyak kenangan pengalaman saya ketika berkhidmat dalam tentera dahulu. Pelbagai tempat, kejalan dan peristiwa direnung kembali dengan penuh nostalgia.

Semut itu adalah pengisian yang telah memenuhi masa perkhidmatan, langsung menjadikannya satu bahagian masa dalam hidup yang sungguh mencabar dan memuaskan. Berkhidmat kepada negara benar-benar satu nikmat yang sangat me nuaskan. Saya menerima nikmat itu setiap hari selama 36 tahun.

Sukar untuk meninggalkannya. Dahulu, semangat untuk berkhidmat juga dirangsang oleh konfrontasi Malaysia-Indonesia dan pemberontakan komunis yang mengancam keselamatan negara. Apabila diri merasakan terpanggil maka terus sangat me nuaskan, dengan mengetepikan angan-angan yang lain.

Pada akhir 1964 saya lulus ujian pemilihan dan diterima untuk menjalani latihan pegawai di Maktab Tentera Diraja. Latihan berakhir dalam bulan Ogos tahun 1965 dan gembira lah hati apabila ditauliahkan sebagai Leutenant Muda dalam Rejimen Askar Melayu Diraja. Saya kemudian diperintah mela por diri ke Batalyon Ketujuh, RAMD di mana saya mengisi jawatan Ketua Platoon Ketiga, A Kompeni.

Pada awal 1966 batalyon berlepas untuk bertugas di Sabah. Sepanjang masa di sana batalyon berpangkalan di sebuah kem di Tawau. Tugas utama batalyon itu ialah mengawal sempadan di Pulau Sebatik yang terbahagi dua oleh sempadan antara bangsa Malaysia dan Indonesia.

Tugas ini dilaksana dengan menempatkan kompeni-kompeni di beberapa lokasi pertahanan berhampiran sempadan. Begitulah bagaimana A Kompeni pernah menduduki dan bertugas di sekitar Kampung Sungai Melayu, Kampung Sungai Limau dan juga Wallace Bay di pulau berkenaan.

Kampung-kampung di Sungai Melayu dan di Sungai Limau pada masa itu sudah menjadi kampung-kampung tinggal. Penduduknya terpaksa dipindahkan untuk menjauhkan mereka daripada bahaya kerana kampung-kampung itu berdekatan dengan sempadan.

Kerelaan dan pengorbanan penduduk itu patut dihargai. Perpindahan mereka menuduhkan tentera untuk menjalankan tugas. Bagaimanapun, suasana dan keadaan di kampung-kampung yang ditinggalkan itu tetap menimbulkan beberapa masalah. Meronda di kampung itu boleh menjadi satu pengalaman yang menakutkan.

Apa beberapa rumah sahaja yang masih tegak, tetapi keadaannya yang tidak beratap, hampir roboh, bersemak tanpa penghuni, menjadikan seluruh kekosongannya begitu menyentarkan.

Teringat saya pada satu pagi, semasa bertugas di Sungai Melayu, saya mengetuai ronda 10 anggota melalui kawasan kampung yang berdekatan. Saya orang yang ketiga selepas dua

anggota tinjau di hadapan. Yang lain mengikuti di belakang berturut-turut. Kami bergerak dengan perlahan, kesemuanya sangat berhati-hati, setiap senjata dalam keadaan bersedia.

Jarak antara setiap orang ialah lebih kurang lapan meter. Sedang pergerakan ini dilakukan, dengan tiba-tiba sahaja jarak antara anggota yang mengikuti saya menjadi begitu rapat. Saya melihat mereka itu berada dalam keadaan gemen tar lagi pucat muka seperti orang yang telah melihat hantu.

Apabila berhenti di tempat yang dituju, barulah diketahui sebabnya. Ia berpunca daripada anggota yang terakhir. Menurut beliau, sedang dia mengawasi kawasan yang telah dilalui, dia ternampak buat seketika seorang budak kecil hitam lebat berkepala botak tersengah berjalan mengikuti ronda.

Tergamam sangat dia hingga tidak tahu untuk berbuat apa-apa. Dia tidak menembak tetapi dengan penuh rasa cemas dia bergegas mendampingi anggota yang berada di hadapan. Dan begitulah berlaku seterusnya.

Itulah satu kisah yang sukar untuk saya mempercayai kebenarannya jauh lagi untuk dilupakan. Imaginasi karut bercampur takut manusia bermain dalam kesunyian kampung tinggal bersemak berhampiran sempadan di Sungai Melayu.

Kadang-kadang bunyi yang mencemaskan semua akan sayup kedengaran datang dari arah sempadan. Pong! pong! pong! begitulah lebih kurang bunyinya. Oleh kerana kejadian begini kerap berlaku maka semua telah mengenali bahawa bunyi itu adalah letusan bom-bom mortar yang berlepas keluar dari larasnya.

Kami akan menjerit, mortar! mortar! mortar! sambil berlari mendapatkan perlindungan di kubu. Dalam masa yang sama, mereka yang berkenaan akan mengira lama masa terbang bom-bom itu dari mula bunyinya didengar hingga ia meletup di bumi. Hala arah punca bunyi juga dikesan dengan menggunakan kompas.

Maklumat-maklumat ini diperlukan untuk mengagak kedudukan tapak senjata mortar yang melepaskan tembakan.

Selalunya bom-bom meletup di lokasi pertahanan lama, 500 meter di hadapan lokasi yang diduduki. Setelah bedilan itu tidak mengena maka barulah semua berasa lega. Hanya yang perlu ditanggung ialah rasa bimbang buat setengah minit sebelum pasti di mana bom-bom akan meletup. Selepas bedilan tamat beberapa minit kemudian maka kami akan meneruskan tugas seperti biasa.

Kami jarang menembak balas kerana tidak mahu mendedahkan kedudukan sebenar kami serta senjata yang ada di dalam lokasi. Lagipun hampir semua bedilan seterus tidak pernah mengena.

Hanya sekali semasa berada di Sungai Melayu bedilannya terkena tepat. Pada malam itu kami sedang berada di luar kubu untuk berbual dan mendengar berita. Melalui Radio Maysia kami mengikuti berita perkembangan proses damai yang sedang dijalankan di Bangkok. Semua yang mendengar menyambut berita ini dengan baik. Seorang anggota membawa keluar satu lampu hurricane berapi kecil sementara ada yang menghisap rokok tanpa melindungi api puntungnya.

Suasana begitu aman dan tenteram dengan kami berbual dalam nada suara yang rendah. Saya sendiri berasa gembira memikirkan bahawa permusuhan yang merugikan semua itu akan berakhir. Khayalan saya sampai jauh ke Semenanjung mengingati ibu bapa dan sanak saudara yang ditinggalkan.

Tidak seorang pun sempat menjeritkan apa-apa amaran. Dengan tiba-tiba sahaja beberapa letusan berapi yang kuat memecah ketenangan malam. Letusan-letusan itu terasa seperti betul-betul di atas kepala diiringi dengan bunyi berdesus serpihan-serpihan besi panas memotong dan menembusi pelepas dan pucuk beberapa pohon kelapa yang ada di dalam lokasi.

Saya masih ingat ada menyebut air burst dalam hati sambil meluru masuk ke dalam kubu dan terus menyarung pouches

Keghairahan untuk mendapat kedudukan, kelayakan dan kekayaan telah meluaskan budaya tekan-menekan, kata-mengata, tuntut-menuntut dan kaut-mengaut, tanpa segan-silu lagi. Semuanya buat memajukan kepentingan diri dan puak sendiri

berisi lelopak peluru tambahan ke atas badan. Saya pasti mereka yang lain sama lintang-pukang masuk ke dalam kubu yang paling dekat.

Bagaimanapun, letupan itu hanya buat beberapa saat dan keadaan kembali senyap sunyi. Tidak berapa lama kemudian, platun sarjan tergesa-gesa masuk ke dalam kubu untuk melapor bahawa tiada siapa yang terkena dan semua anggota telah dalam kedudukan bertahan masing-masing.

Kami berdua cuba mengesan apa-apa pergerakan yang luar biasa di kawasan luar pagar yang gelap itu. Kami bimbang, takut lokasi akan diserang. Tembakan sebelumnya itu memang singkat tetapi ia menyerupai tembakan pendahuluan sebelum berlaku serangan.

Selepas beberapa lama tiada apa yang berlaku. Ini tambah membingungkan dan banyak kemungkinan bermain di dalam kepala. Adakah seterusnya sedang merangkak cara senyap untuk memotong kawat dan menyusup masuk ke dalam lokasi? Adakah tembakan lanjutan akan menyusul? Saya melemparkan senyuman kepada *batman* saya, Prebet Rahman, untuk menenangkan dia.

Kejadian tembakan itu dilaporkan ke markas taktikal battalion di Wallace Bay diiringi dengan keputusan saya untuk menembak beberapa sasaran *Defensive Fire* (DF) yang ada di sekeliling lokasi. Sasaran-sasaran DF telah didaftar terlebih dahulu dan selalunya ditembak jika berlaku serangan. Bagaimanapun saya tidak berniat untuk menunggu jawapan atau hingga berlaku serangan.

Malam itu kedua-dua mortar kami membedil semua sasaran DF di sekeliling lokasi. Beberapa senjata mesingan ringan dalam *fixed line* juga ditembak. Jika ada sesiapa yang sedang berkumpul untuk menyerang atau sedang merangkak untuk menyusup masuk ke dalam lokasi sudah pasti akan terkena.

Dalam masa yang sama meriam 105mm howitzer yang berada di Sungai Limau yang terletak beberapa kilometer dari situ diminta untuk menembak sasaran di sempadan untuk menghalau jalan-jalan masuk dan keluar. Dentuman bom-bom mortar dan meriam bergema selama 30 minit pada malam itu. Bunyinya dikatakan sampai dapat didengar di kem yang terletak di Tawau.

Malam itu memang banyak tembakan yang dilepaskan tanpa mendapat tembakan balas. Malah buat beberapa minggu selepas malam itu tidak ada langsung berlaku apa-apa tembakan dari seberang sempadan. Pada keesokan harinya, pemeriksaan kawasan keliling tidak menemui apa-apa pun.

Nyata tiada serangan atau penyusupan seterusnya berlaku pada malam tadi.

Begitulah secebis kisah semasa saya bertugas di Sungai Melayu. Apabila platun meninggalkan lokasi itu beberapa minggu kemudian, setiap anggota telah menjadi insan-insan yang lebih matang dan dewasa. Pengalaman yang diperoleh menghadapi pelbagai keadaan semasa bertugas di sana telah membawa kepada pencapaian yang bermakna.

Sungai Melayu memberikan kesedaran tentang nikmat untuk menghambakan diri kepada negara. Ini bererti pengalaman disiplin diri untuk mencintai negara, setia kepada ketua dan sesama sendiri, bersatu, bekerjasama dan rela berkorban dalam menghadapi sebarang cabaran, tugas dan tanggungjawab.

Saya mempelajari di Sungai Melayu bahawa tugas dan tanggungjawab tidak boleh diabaikan langsung. Ancaman nyata dari luar dan dalam negara seperti yang pernah dialami dahulu kini sudah tiada lagi. Malaysia berada dalam keadaan aman dan tenteram biarpun dunia dihantui oleh perbuatan keganasan dan sikap angkuh pelbagai pihak yang amat merunsingkan.

Bentuk dan jenis peperangan dan konflik pada masa hadapan tidak memerlukan kekuatan angkatan tentera yang terlalu besar. Apa yang dikehendaki ialah kemampuan dan kebolehan yang jauh lebih tinggi hasil daripada penggunaan teknologi dan sistem informasi serta komunikasi yang terkini.

Kerajaan juga dijangka dapat terus mentadbir dan mengurus dengan cekap lebih-lebih lagi untuk mengekalkan kestabilan politik dan perkembangan ekonomi negara.

Biar apa pun, sikap dan sifat manusia itu tetap menjadi faktor pentru. Dalam hal ini adalah amat mengecewakan kerana keadaan telah membuatkan ramai lupa dan gagal menjalankan tanggungjawab sebagai rakyat bagi menjunjung dan melindungi keperluan dan kepentingan negara.

Kegairahan untuk mendapat kedudukan, kelayakan dan kekayaan telah meluaskan budaya tekan-menekan, kata-mengata, tuntut-menuntut dan kaut-mengaut, tanpa segan-silu lagi. Semuanya buat memajukan kepentingan diri dan puak sendiri dengan langsung tidak mengambil kira kepentingan orang lain, jauh lagi kepentingan negara.

Kita telah menjadi rakyat yang cukup kuat berusaha buat kebaikan diri sendiri tetapi tidak untuk negara.

Pada saya, Malaysia tidak menghendaki sejuta orang rakyat untuk memikul senjata bagi mempertahankannya. Kita cukup kekuatan untuk menghadapi keperluan ini.

Oleh itu Khidmat Negara ala tentera bukanlah jawapannya. Yang dikehendaki sangat ialah 22 juta orang rakyat Malaysia yang patriotik, mencintai negara, baik budi pekerti dan bersatu padu menuju kepada pencapaian wawasan negara.

Maka itu saya mendapat maksud dan bentuk Khidmat Negara cara Malaysia yang sedang dirumus dan dirancang oleh kerajaan sekarang sangat menarik. Saya berpendapat pendekatan dan acuan yang telah digunakan akan memenuhi kehendak negara serta memberi manfaat dan nikmat yang besar buat orang-orang muda yang menjadi kumpulan sasar.

Mereka tidak perlu pergi ke Kampung Sungai Melayu untuk memperoleh nikmat berkhidmat kepada negara.

● **LT. JENERAL (B) DATUK SERI ZAINI MOHD.
SAID ialah bekas Panglima Medan Tentera Darat.**